

AMALAN PENGAJARAN SINGAPURA (SINGAPORE TEACHING PRACTICE)

Proses Pengajaran Budaya Positif Di Bilik Darjah



Jawatankuasa Penerbitan

Norhayati Awang, Penasihat

Rahmat Subadah

Dr. Fadilah Isnin

Haryati Surana

Salina Hussin

Siti Faridah Omar

Muhamad Rafi Abu Bakar

Arshid Abdullah

Sekapur Sirih

Salam sejahtera kepada para guru budiman.

Amalan Pengajaran Singapura atau *Singapore Teaching Practice (STP)* telah dilancarkan pada tahun 2017 untuk mengukuhkan amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru-guru Singapura.

Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) mengambil inisiatif untuk menterjemah dan menerbitkan Amalan Pengajaran Singapura berbentuk e-Penerbitan sebagai panduan dan rujukan bagi guru-guru Bahasa Melayu Singapura.

Diharapkan, bahan e-Penerbitan ini akan dapat memberikan petunjuk kepada guru untuk:

- memahami dan menerapkan STP dalam PdP Bahasa Melayu;
- merancang dan menyediakan PdP yang relevan dan berkesan dengan menerapkan elemen-elemen STP;
- mengaplikasi dan melaksanakan elemen-elemen STP dalam PdP bahasa Melayu dengan berkesan; dan
- menjadikan STP sebagai rujukan utama dalam pelaksanaan PdP secara eksplisit dan berkesan dengan mengambil kira kesediaan, kebolehan dan minat pelajar dalam penerapan pengajaran pembezaan di bilik darjah.

MLCS percaya bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar Bahasa Melayu dengan sokongan dan dorongan guru yang mengambil kira semua aspek keperluan pembelajaran pelajar secara holistik.

Marilah kita terus mengamalkan PdP yang terbaik untuk membangun para pelajar kita dan terus membudayakan kecemerlangan profesional dalam memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan kepada para pelajar kita.

Guru cemerlang, pelajar budiman.

Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

E-Penerbitan Oktober 2022
© MLCS 2022

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian isi kandungan bahan e-Perbitan ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

Diterbitkan oleh:


Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura



Proses Pengajaran: Budaya Positif Di Bilik Darjah

Perkara	Kandungan	Halaman
Pengenalan	Budaya Positif di Bilik Darjah	5
Aspek Pengajaran 1	Mewujudkan Interaksi dan Hubungan Rapat	5
Pertimbangan	1. Mengenal Pelajar (<i>Acknowledging Your Students</i>)	5
	2. Membina Hubungan Positif dengan Pelajar (<i>Connecting With Your Students</i>)	7
	3. Memudah Cara Interaksi antara Pelajar (<i>Facilitating Student-Student Interaction</i>)	9
Aspek Pengajaran 2	Mengekalkan Disiplin yang Positif	10
Pertimbangan	1. Membina Hubungan Positif antara Guru-Pelajar (<i>Building Positive Teacher-Student Relationships</i>)	10
	2. Menyediakan Persekitaran untuk Disiplin Positif (<i>Preparing an Environment for Positive Discipline</i>)	12
	3. Mengenal Pasti Ruang untuk Pembangunan (<i>Identifying Areas for Development</i>)	14
	4. Memantau dan Mengurus Tingkah Laku (<i>Monitoring and Managing Behaviour</i>)	15
	5. Melaksanakan Tindakan Susulan yang Positif dan Negatif (<i>Implementing Positive and Negative Consequences</i>)	18
	6. Mengurus Tugas Secara Serentak (<i>Managing Tasks Simultaneously</i>)	19
Aspek Pengajaran 3	Menetapkan Jangkaan dan Rutin	20
Pertimbangan	1. Menetapkan Rutin Pengendalian Bilik Darjah (<i>Setting Class-running Routines</i>)	21
	2. Menetapkan Rutin Pengendalian Pelajaran (<i>Setting Lesson-running Routines</i>)	22
	3. Menetapkan Rutin Berinteraksi (<i>Setting Interaction Routine</i>)	23
	4. Mengimbas, Membetulkan dan Meneruskan Semula (<i>Scanning, Correcting, Resuming</i>)	25
Aspek Pengajaran 4	Membina Kepercayaan	27
Pertimbangan	1. Mempunyai Jangkaan dan Kepercayaan yang Positif tentang Pelajar (<i>Having Positive Expectations and Beliefs about Students</i>)	28
	2. Berinteraksi dengan Jujur (<i>Interacting in a Genuine Manner</i>)	29
	3. Mengurus Emosi (<i>Managing Emotions</i>)	30
Aspek Pengajaran 5	Memperkasakan Pelajar	31
Pertimbangan	1. Memberikan Pelajar Pilihan dan Suara Giving (<i>Students Choice and Voice</i>)	32
	2. Merangsang Pelajar untuk Berjaya (<i>Inspiring Students to Achieve</i>)	34

Rujuk laman web wiki STP dalam OPAL2.0:

	https://www.opal2.moe.edu.sg/csl/s/singapore-teaching-practice/wiki/overview/list-categories
---	---

PENGENALAN BUDAYA POSITIF DI BILIK DARJAH

Pembelajaran menyeronokkan berlaku dalam suasana dan persekitaran yang selamat dan saling prihatin dan menghormati. Oleh sebab itu adalah penting bagi guru menyemai hubungan positif antara guru dengan pelajar dan antara pelajar dengan pelajar untuk membina persekitaran pembelajaran yang kondusif dan saling menyokong untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berkualiti berlaku.

Dalam Proses Pengajaran, Aktiviti Mengajar disediakan berdasarkan Aspek Pengajaran untuk dipertimbangkan oleh guru dan dilaksanakan bersesuaian untuk:

- membina suasana yang ceria, merangsang pembelajaran dan persekitaran pembelajaran yang selamat;
- menggunakan strategi pengurusan bilik darjah yang berkesan;
- menggalakkan dan mengukuhkan sikap yang baik dengan menetapkan dan melaksanakan peraturan dan rutin bilik darjah;
- menyemai hubungan positif antara guru dengan pelajar dan antara pelajar dengan pelajar menerusi pembinaan budaya saling prihatin, percaya dan menghormati yang menggalakkan pertukaran idea dan interaksi; dan
- menggalakkan pelajar untuk bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri, terlibat dalam mengambil keputusan, belajar secara kolaboratif, menganggap kesilapan sebagai peluang pembelajaran; dan menyampaikan pandangan mereka dengan yakin.

ASPEK PENGAJARAN 1: MEWUJUDKAN INTERAKSI DAN HUBUNGAN RAPAT

Mewujudkan hubungan rapat dan interaksi merupakan usaha membina hubungan sosial dan emosi yang positif antara guru dan pelajar, dan dalam kalangan pelajar dalam persekitaran pembelajaran. Hal ini berkaitan dengan usaha membina hubungan positif yang merupakan kunci bagi pembinaan budaya positif di bilik darjah.

Hubungan yang positif antara guru dan pelajar, dan dalam kalangan pelajar merupakan kunci bagi menyediakan asas bagi persekitaran pembelajaran yang saling prihatin dan pelajar berasa selamat, mendapat sokongan dan dihargai oleh rakan-rakan dan guru. Perkara ini mempengaruhi usaha, pelibatan, pembelajaran, motivasi dan pembangunan pelajar baik dari segi kecekapan intelektual mahu pun sosial. Apabila hubungan positif terjalin, pelajar akan berasa lebih dihargai dan menghargai sekolah mereka. Mereka akan lebih terdorong untuk menjadi penyumbang yang aktif di bilik darjah dan sekolah kerana mereka berasa selamat untuk bertanyakan soalan, melakukan kesilapan, mengambil risiko dan belajar daripada kesilapan mereka.

PERTIMBANGAN 1: MENGENALI PELAJAR

Mengiktiraf pelajar bermaksud mengakui bahawa pelajar ialah individu dalam komuniti sekolah yang mempunyai latar belakang, kekuatan, kelemahan, pencapaian dan aspirasi. Ini termasuklah tindakan mudah seperti menyapa pelajar dengan menggunakan nama mereka dan mendengar secara aktif apabila mereka bertutur. Memanggil pelajar dengan nama mereka memberi isyarat bahawa mereka dihormati dan diakui sebagai individu. Mendengar secara aktif apabila pelajar bertutur memberi isyarat bahawa guru ambil peduli tentang pelajar mereka. Menunjukkan minat terhadap pelajar melalui komunikasi tanpa lisan seperti mengekalkan hubungan mata,

terutamanya semasa perbualan, merupakan cara lain untuk berhubung dengan pelajar dan menumpukan perhatian terhadap mereka. Guru juga boleh mengiktiraf usaha pelajar melalui nota penghargaan dan pengesahan yang positif.

Usaha mengiktiraf pelajar harus dilakukan secara konsisten sepanjang tahun, supaya guru mampu mengekalkan hubungan baik dengan pelajar dan membina hubungan positif dari masa ke semasa.

Panggil pelajar dengan nama mereka

Berikut adalah beberapa contoh strategi untuk membantu guru mengingat nama pelajar:

- Ambil gambar setiap kelas atau pelajar pada minggu pertama, dan tuliskan nama setiap pelajar pada gambarnya. Foto ini boleh membantu guru mengingat nama pelajar sebelum setiap pelajaran.
- Guru boleh meminta pelajar menghias kad nama mereka dan letakkannya di atas meja mereka untuk rujukan mudah sehingga guru sudah biasa dengan semua nama pelajar.
- Apabila mengajukan soalan kepada pelajar, pastikan guru tanya nama pelajar sebelum mereka menjawab soalan atau memberi arahan supaya pelajar memberikan nama mereka sebelum menjawab soalan.
- Luangkan masa beberapa minit sehari untuk berkomunikasi bersama pelajar dan sapa mereka dengan nama mereka.
- **Mengekalkan hubungan mata (*eye contact*) dan komunikasi bukan lisan yang lain**
Mengekalkan hubungan mata apabila bercakap dengan pelajar atau ketika mendapatkan respons. Komunikasi bukan lisan yang lain termasuk cara guru melihat pelajar, ekspresi muka, mengangguk kepala, postur tubuh, dan pergerakan tubuh. Guru menyampaikan minat terhadap komunikasi pelajar melalui bahasa tubuh.
- **Menyediakan platform supaya suara pelajar dapat didengar**
Dengarkan pelajar dan perhatikan apa yang telah dikatakan, diparafrasakan, dirujuk atau diringkaskan, dan periksa pemahaman. Guru boleh mengajukan soalan untuk menunjukkan minat atau untuk mendapatkan penjelasan, dan memberi pelajar masa untuk memberikan respons. Guru juga boleh memberi peluang kepada pelajar untuk bekerja berpasangan atau kumpulan.
- **Memberi pengesahan dan pengiktirafan**
Pengesahan dan pengiktirafan harus ikhlas dan mencerminkan perasaan guru. Pelajar akan dapat merasakan keikhlasan guru, dan sama ada guru benar-benar maksudkan apa yang mereka katakan. Berikut merupakan beberapa contoh perkara yang boleh dilakukan:
 - Sediakan salinan kad atau nota. Apabila pelajar melakukan sesuatu yang layak diiktiraf, guru boleh mengisi kad atau nota, dan serahkannya kepada pelajar semasa pelajaran.
 - Arahkan pelajar menulis kata-kata pengesahan dan penghargaan antara satu sama lain.

PERTIMBANGAN 2: MEMBINA HUBUNGAN YANG POSITIF DENGAN PELAJAR

Membina hubungan positif dengan pelajar boleh dilakukan secara individu atau seluruh kelas untuk memberi sokongan emosi dan akademik. Ini dapat membina hubungan yang positif antara guru dengan pelajar supaya anda dapat menyokong dan mencapai hasil yang lebih baik dari segi pembelajaran, tingkah laku, dan kesejahteraan pelajar.

Membina hubungan yang positif dengan pelajar haruslah dilakukan sesering yang mungkin dan apabila terdapat peluang untuk guru berinteraksi dengan pelajar. Hal ini boleh dilakukan apabila guru mengajar di dalam kelas, apabila guru berinteraksi dengan pelajar dalam kumpulan kecil, dan apabila guru bercakap dengan pelajar secara individu. Ini juga boleh berlaku secara tidak langsung apabila guru berhubung dengan ibu bapa mereka untuk memberitahu mereka kemajuan dan tingkah laku mereka di sekolah.

Berhubungan dengan pelajar secara individu

Berhubungan dengan pelajar secara individu termasuk mengenali segala aspek tentang pelajar, mengiktiraf dan menghargai usaha mereka untuk memberi mereka motivasi dalam pembelajaran mereka. Ini juga termasuk berkongsi pengalaman hidup guru tanpa melanggar batasan profesional yang boleh diterima.

Berikut merupakan beberapa pendekatan yang boleh dilakukan termasuklah:

- Luangkan masa beberapa minit setiap hari untuk guru dan pelajar, saling mengenali antara satu sama lain. Sebagai contoh, guru boleh bertanya pelajar tentang minat mereka, keluarga mereka, rakan sekelas mereka, dan cara mereka menghabiskan masa mereka selepas waktu sekolah.
- Kongsi sebahagian kehidupan guru dengan pelajar, seperti membincangkan hobi dan pengalaman yang berkaitan, dan ini akan menggalakkan pelajar berkongsi minat dan pengalaman mereka dengan guru.
- Rayakan hari lahir atau kejayaan pelajar.
- Perhatikan pelajar dan selidik pelajar yang kelihatan bosan, tidak bermaya, letih, atau yang berkelakuan ganjil.
- Hadirkan diri atau ambil perhatian terhadap acara atau pertandingan yang mana pelajar mengambil bahagian untuk menunjukkan minat dan sokongan guru.
- Hargai usaha dan kejayaan pelajar agar mereka lebih terdorong untuk berusaha dan mencapai kejayaan.
- Tanya pelajar tentang kesejahteraan mereka apabila mereka kembali dari cuti sakit atau tidak hadir di sekolah untuk beberapa waktu.
- Berikan maklum balas yang positif kepada pelajar, termasuk pelajar yang 'sukar' atau kurang responsif.
- Berikan maklum balas secara berhemah tanpa menyakiti perasaan dan spesifik ketika memberikan maklum balas untuk membantu pelajar menangani jurang pembelajaran.

Guru perlu memahami pengalaman pembelajaran pelajar. Ini termasuk memahami minat akademik pelajar, kekuatan, dan bahagian yang boleh diperbaiki dari perspektif mereka.

Contohnya adalah seperti berikut:

- Bina dan laksanakan pelajaran guru dengan cara yang mendorong pelajar untuk menyatakan pandangan dan pemahaman mereka. Guru boleh menggunakan respons pelajar untuk mengenal pasti jurang pembelajaran pelajar dan memutuskan cara untuk menangani mereka.
- Semasa pelajaran atau semasa membantu pelajar, guru boleh bertanya kepada mereka tentang pandangan mereka mengenai topik dan beberapa cabaran yang dihadapi. Berdasarkan respons mereka, guru boleh mengetahui minat akademik pelajar, dan persepsi mereka tentang kekuatan dan kelemahan mereka.
- Gunakan data dari *Cockpit* Sekolah, ujian diagnostik, atau kajian keperluan pelajar untuk mengetahui lebih lanjut tentang pelajar anda. Berhati-hati dan pastikan maklumat sensitif kekal rahsia.
- Arahkan pelajar melengkapkan log pembelajaran atau jurnal pada akhir pelajaran. Baca tulisan mereka untuk memahami pengalaman pembelajaran mereka.

Berhubung dengan seluruh pelajar dalam kelas

Ini melibatkan pemahaman tentang apa yang meningkatkan atau menghalang perkembangan budaya positif di dalam bilik darjah.

Berikut merupakan beberapa pendekatan yang boleh dilakukan:

- Perhatikan cara pelajar bercakap atau bekerjasama antara satu sama lain dalam suasana formal dan tidak formal. Perhatikan pola interaksi, keadaan yang menggalakkan interaksi positif, dan dinamika kelas.
- Membina rutin dan aktiviti seperti 'Waktu Lingkaran', mesyuarat kelas, dan menulis jurnal yang membolehkan para pelajar berkongsi tentang diri mereka sendiri dan perspektif mereka.
- Lakukan aktiviti bersama kelas dalam pelajaran atau sekolah seperti menghias kelas dan menganjurkan projek kelas yang membolehkan guru berhubung dengan pelajar dalam suasana kurang formal. Periksa dan pastikan bahawa garis panduan sekolah dipatuhi jika guru merancang aktiviti di luar sekolah. Selepas aktiviti tersebut, bincangkan pembelajaran, raikan kejayaan, dan sahkan tingkah laku yang positif.
- Memberi pelajar tanggungjawab membantu mereka merasakan bahawa mereka menyumbang sesuatu yang berfaedah kepada kelas. Sebagai contoh, pelajar boleh diberikan peranan dalam kelas, seperti ketua kumpulan, penolong ketua kumpulan, wakil subjek, monitor, monitor kehadiran, wakil AV, dan pustakawan kelas.
- Bina budaya dan identiti bilik darjah yang unik untuk menggalakkan pelajar berasa bahawa mereka tergolong dalam kumpulan yang istimewa. Hal ini akan mengeratkan hubungan antara pelajar dalam kelas.
- Jadikan pelajaran menyenangkan dan bermakna pada pelajar. Apabila pelajar melalui pembelajaran yang positif, mereka menjadi lebih rapat dengan rakan-rakan mereka. Gunakan pelbagai strategi pembelajaran untuk mendorong dan menggalakkan pelibatan aktif pelajar dalam pembelajaran.
- Ada pelajar gemar lawak jenaka dan guru boleh mempertimbangkan cara yang baik untuk mencapai objektif pelajaran dalam suasana pembelajaran yang menyenangkan.

Memahami pengalaman pembelajaran pelajar

Usaha ini melibatkan bukan sahaja penumpuan pada pelajaran tetapi guru perlu juga memahami bagaimana pelajar melalui kandungan pelajaran menurut perspektif pelajar. Guru perlu mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang positif dan bermakna.

Berikut merupakan antara cara yang boleh dipertimbangkan:

- Reka bentuk dan laksanakan pelajaran dengan cara untuk menggalakkan pelajar menyampaikan pandangan dan pemahaman mereka. Guru boleh menggunakan respons pelajar untuk mengenal pasti jurang pembelajaran.
- Benarkan pelajar memberikan respons yang pelbagai (Contoh: Gunakan gambar, kad, lukisan) bagi pelajar yang menghadapi kesukaran untuk menyampaikan pandangan secara lisan
- Dalam pelajaran atau semasa membantu pelajar, minta pelajar memberikan pandangan mereka mengenai apa yang mereka fikirkan tentang topik, cabaran yang dihadapi atau soalan yang ingin mereka tanyakan. Melalui respons pelajar, guru boleh mengetahui tentang minat dan juga kekuatan dan kelemahan mereka.
- Minta pelajar untuk melengkapkan log pembelajaran atau jurnal di akhir setiap pelajaran. Baca catatan mereka untuk memahami pengalaman pembelajaran yang mereka lalui.
- Semasa pelajaran sedang berlangsung, kumpulkan pandangan pelajar tentang pengalaman pembelajaran yang mereka lalui secara lisan dan bukan lisan, dan perhatikan raut wajah dan respons lisan yang mereka berikan, serta sikap mereka. Respon pelajar boleh membantu guru menyesuaikan pedagogi untuk meningkatkan pelibatan pelajar dalam pembelajaran.

PERTIMBANGAN 3: MEMUDAH CARA INTERAKSI ANTARA PELAJAR

Memudah cara interaksi antara pelajar termasuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk interaksi pelajar yang positif, mengajar mereka kemahiran sosial, dan membimbing mereka untuk menunjukkan rasa prihatin dan hormat antara satu sama lain.

Interaksi antara pelajar yang positif membina persahabatan dan memberi sokongan kepada rakan secara emosional dan sosial dalam komuniti kelas. Ini boleh berlaku apabila guru mengajar kelas atau apabila guru berinteraksi dengan pelajar dalam kumpulan kecil. Guru boleh menstrukturkan sedikit masa semasa pelajaran untuk melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran, dan untuk memupuk nilai dan pemikiran yang betul untuk menyokong satu sama lain. Kuatkan idea-idea ini melalui "*teachable moments*" apabila ada peluang.

- **Menyediakan persekitaran untuk interaksi positif dalam kalangan pelajar untuk membina sokongan dan hubungan rakan sebaya**

Persekitaran termasuk ruang pembelajaran fizikal, susunan kumpulan, dan nada positif yang ditetapkan untuk pembelajaran. Lakukan perancangan yang membolehkan pelajar duduk rapat dan selesa, supaya mereka boleh bercakap dan mendengar satu sama lain dengan mudah. Guru juga boleh memperkuatkan usaha sokongan rakan sebaya seperti melantik pemimpin sokongan rakan sebaya atau menubuhkan sistem *buddy* di dalam kelas.

- **Merancang interaksi pelajar-pelajar**

Rancang kerja kumpulan. Ini merangkumi perancangan untuk saiz kumpulan, tugas kumpulan, peranan individu dan matlamat kumpulan, serta campuran profil pelajar, jika sesuai. Saiz kumpulan akan bergantung kepada jenis tugas, seperti bilangan peranan yang dirancang untuk pelajar jalankan.

- **Ajar kemahiran sosial**

Kemahiran sosial ialah tingkah laku yang membolehkan para pelajar berinteraksi antara satu sama lain dengan cara yang boleh diterima dan saling menguntungkan. Ini termasuk kemahiran kerjasama dan komunikasi untuk membolehkan pelajar bekerjasama antara satu sama lain dengan cara saling menghormati untuk memenuhi matlamat kumpulan. Mereka juga termasuk kecekapan sosial dan emosi. Pelajar boleh mengamalkan rutin seperti mengiktiraf idea masing-masing, memuji dan mengucapkan terima kasih kepada satu sama lain, menunggu giliran, dan mengambil perspektif.

ASPEK PENGAJARAN 2: MENGEKALKAN DISIPLIN YANG POSITIF

Disiplin merupakan satu proses pendidikan. Pendekatan terhadap disiplin secara proaktif dan aktif memperkasakan pelajar untuk bertanggungjawab terhadap kelakuan mereka dan membina perwatakan dan disiplin diri yang baik. Disiplin positif melibatkan usaha membimbing pelajar untuk menghayati nilai dan memahami tindak tanduk sosial yang baik. Disiplin positif bukan memaksa pelajar untuk mematuhi peraturan sebaliknya membantu pelajar untuk mempelajari akan pentingnya membuat keputusan dan bertanggungjawab atas tindakan yang mereka lakukan. Disiplin positif menggalakkan kelakuan yang positif dalam kalangan pelajar menerusi pengurusan kelas yang efektif, contoh penerapan nilai dan kemahiran yang diajar serta bimbingan guru.

Peranan guru penting dalam perancangan dan pelaksanaan disiplin yang proaktif dan aktif. Guru perlu membina persekitaran yang selamat secara fizikal dan psikologi dengan mengambil kira kesediaan pelajar dan memberikan motivasi agar mereka mahu belajar. Perkara ini selaras dengan Falsafah Kurikulum Singapura yang menggalakkan guru untuk mereka bentuk persekitaran pembelajaran yang selamat dan prihatin untuk menyokong pembelajaran pelajar.

Menggalakkan persekitaran pembelajaran yang selamat yang kondusif membantu guru menangani cabaran terhadap pembelajaran pelajar untuk mengelakkan masalah tingkah laku yang kurang wajar daripada berlaku dan mengganggu proses pembelajaran. Tambahan, dalam menangani isu sebegini, guru boleh menggalakkan dan melibatkan pelajar untuk mempengaruhi pelajar lain secara positif untuk mengekalkan tingkah laku positif dengan membina komuniti yang prihatin dan saling menyokong.

PERTIMBANGAN 1: MEMBINA HUBUNGAN POSITIF ANTARA GURU-PELAJAR

Fahami pelajar anda

Hubungan guru-pelajar [*Teacher Student Relationship (TSR)*] yang positif merujuk kepada sejauh mana pelajar melihat mereka dihormati, disokong dan dihargai oleh guru mereka. (Doll et al.; 2004). Ia merupakan interaksi sosial dan emosi yang berulang antara guru dengan pelajar.

Setiap pelajar mahu dihargai, diterima, dan disokong. Memahami pelajar secara individu yang memiliki kekuatan, minat, keprihatinan dan kelakuan yang berbeza menunjukkan sikap guru yang menghargai mereka sebagai insan. Pelajar juga merasakan diri mereka disayangi apabila kita mempamerkan rasa sayang pada mereka.

Perhatian: Pelajar Keperluan Khas atau *Special Educational Needs* (SEN) terutama yang memiliki kemahiran sosial yang sukar, berasa kurang selesa dijadikan perhatian di hadapan khalayak oleh guru walaupun untuk tujuan agar pelajar memberikan tumpuan pada pelajaran.

Dengan adanya hubungan *interpersonal* antara guru-pelajar menyumbang kepada pembelajaran pelajar sambil guru memberikan sokongan emosi dan pendidikan. Pembinaan TSR positif memerlukan usaha yang berterusan daripada guru, yang didasari oleh Visi Guru '*Lead, Care and Inspire*'.

Nyatakan Keprihatinan dan Rasa Hormat

Hubungan antara guru dan pelajar atau *Teacher and Students Relationship* (TSR) yang positif merupakan asas atau tunjang disiplin yang positif. Ia berdasarkan saling hormat menghormati dan prihatin, dan hubungan ini perlu dilihat dalam lingkungan norma-norma masyarakat yang boleh diterima dan Kod Kelakuan bagi kerjaya pendidikan.

Guru harus jujur, terlibat, responsif, terbuka dan mahu menyediakan sokongan akademik dan emosi sebagai contoh, menunjukkan rasa sayang dan hormat pada pelajar dengan mendengar dan meluangkan masa bersama pelajar menerusi interaksi dan perbualan antara guru – pelajar.

Ambil kesempatan untuk menggunakan pelbagai alat komunikasi sebagai wadah untuk berbual dengan pelajar semasa rehat, atau rehat antara Jadual Pelajaran untuk membuka laluan bagi perbualan. Ada pelajar memerlukan lebih banyak peluang sebelum mereka berasa selesa untuk berkongsi pandangan dengan guru-guru mereka.

Guru boleh mempamerkan keprihatinan menerusi cerita-cerita yang mengandungi unsur inspirasi untuk menggalakkan mereka. Untuk memperkasakan pelajar dan saling menghormati, guru boleh membenarkan pelajar menyuarakan idea, membuat keputusan dan bertanggungjawab atas rancangan dan tindakan mereka. Semasa menyokong pelajar, galakkan pelajar untuk menghuraikan masalah dengan melakukan refleksi atas tindakan yang mereka ambil.

Hargai dan sokong tindakan pelajar

Kenali kekuatan pelajar dan galakkan usaha yang mereka lakukan dan bukan kejayaan atau keupayaan mereka. Kenal pasti pelajar yang berkelakuan baik dan beritahu pelajar tersebut bahawa usaha mereka dihargai.

Dalam budaya positif di bilik darjah, guru lebih sering mengesahkan kelakuan positif pelajar berbanding sebaliknya. Guru boleh terus menggalakkan kelakuan yang positif dan meraikan kejayaan dengan memberikan pujian dan kata-kata rangsangan untuk mendorong dan mengesahkan usaha pelajar. Apabila memuji pelajar, guru boleh memberikan pujian yang spesifik mengenai kelakuan baik yang telah dipamerkan. Guru boleh juga menjelaskan sebab guru memuji kelakuan baik pelajar.

Dengan interaksi TSR yang dibina dengan pengesahan dan penghargaan, pelajar akan lebih bersedia untuk menerima peraturan, prosedur dan tindakan disiplin. Guru akan menikmati interaksi dengan pelajar yang bermutu tinggi dan kelakuan yang tidak baik akan berkurangan di bilik darjah.

PERTIMBANGAN 2: MENYEDIAKAN PERSEKITARAN UNTUK DISIPLIN POSITIF

Menyediakan Bilik Darjah Secara Tersusun

Bina persekitaran pembelajaran yang tersusun dan menarik untuk menggalakkan interaksi antara guru-pelajar yang positif. Perhatian ada susunan tempat duduk, susunan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, ruang fizikal untuk pergerakan dan interaksi boleh membina bilik darjah yang selamat dan tersusun. Contohnya, pelajar harus duduk berhadapan dengan objek yang menjadi tumpuan pelajaran, papan putih harus selalu bersih, dan di atas meja pelajar harus ada bahan-bahan penting yang menyokong pembelajaran. Masa dan usaha diperlukan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang membina disiplin yang positif dari awal tahun lagi bagi bilik darjah yang baharu. Perkara ini harus dikekalkan sepanjang proses pembelajaran berlaku.

Bina Sempadan yang Jelas

Perkara ini boleh membantu menangani urusan pelajar yang mempunyai ADHD (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder*) dan ASD (*Autism Spectrum Disorder*) untuk memberi ruang apabila hal tersebut berlaku seperti yang dijangkakan.

Jadual Kelas

Jadual kelas harian perlu disediakan dan hal ini membantu pelajar untuk bergerak atau beralih ke lokasi yang berlainan untuk pelajaran yang lain.

Alat Visual

Alat visual boleh membantu guru untuk berkomunikasi dan memberikan maklumat kepada pelajar ASD. Lakukan secara berhati-hati agar tidak membebankan pelajar.

• **Latihan dan penyediaan peraturan dan rutin kelas**

Bina pemahaman yang sama mengenai peraturan untuk menggalakkan pelajar seluruh kelas untuk membina jangkauan dan pemahaman bersama. Guru boleh menyelaraskan peraturan bilik darjah dengan nilai-nilai sekolah untuk memastikannya konsisten dengan jangkauan sekolah. Untuk memastikan peraturan berkesan, ia perlu spesifik, dinyatakan secara positif, sesuai dengan peringkat umur pelajar dan dipaparkan di tempat yang boleh dilihat semua pelajar dan guru. Peraturan dan rutin kelas boleh dilanjutkan ke ruang dalam talian untuk menggalakkan penggunaan ICT di sekolah dan di rumah.

Guru boleh juga menyediakan rutin untuk menggalakkan disiplin dengan memberitahu pelajar bagaimana rutin dan peraturan kelas saling berkaitan, menjelaskan rasionalnya, memastikan pelajar sedar akan kesan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan atau rutin tersebut, serta melatih pelajar untuk mengamalkan rutin-rutin tersebut. Rutin-rutin ini termasuklah memulakan pelajaran, masuk dan keluar kelas semasa pelajaran sedang berlangsung, pengumpulan dan pengedaran bahan-bahan pelajaran, bertanyakan soalan dalam pelajaran dan bagaimana memberi isyarat agar pelajar memberikan tumpuan.

Guru boleh mengingatkan dan mengukuhkan peraturan dan rutin secara konsisten, memuji sikap pelajar yang mematuhi peraturan dan rutin yang ditetapkan. Pengajaran dan tunjuk cara bagaimana rutin dan peraturan dilaksanakan akan meningkatkan pemahaman dan kelakuan yang

seharusnya menjadi contoh dan kesannya kepada pelajar. Perkara ini menyokong pemahaman bersama tentang rutin dan peraturan dalam kalangan pelajar, mengelakkan percubaan untuk melanggar peraturan atau perbuatan tidak mematuhi rutin.

Penyediaan dan pengalaman peraturan kelas dan rutin secara konsisten antara subjek dan guru akan membantu terutamanya para pelajar SEN atau yang baharu berpindah sekolah.

- **Ajar secara eksplisit dan kukuhkan nilai-nilai dan juga kemahiran emosi dan sosial**

Persekitaran positif boleh mengurangkan masalah disiplin sebab pelajar merasakan bahawa mereka merupakan sebahagian daripada anggota kelas, sudah mula memiliki kemahiran untuk menerima dan menghormati orang lain, dan mampu berkomunikasi dengan berkesan, dan fokus pada penyelesaian masalah yang timbul.

Ajar dan kukuhkan nilai dan kemahiran sosial serta emosi agar pelajar tahu bagaimana menguruskan diri dan mempamerkan rasa prihatin dan hormat terhadap orang lain dalam interaksi harian mereka. Bantu pelajar membina kebiasaan-kebiasaan yang baik dan bertanggungjawab. Pelajar boleh mempupuk nilai-nilai dan membina kecekapan sosial dan emosi menerusi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE), dan juga menerusi interaksi harian dengan mereka. Guru boleh menggunakan masa-masa yang sesuai untuk mengukuhkan kemahiran sosial pelajar. Guru juga boleh membina peluang interaksi positif dan mereka bentuk struktur untuk membolehkan pelajar saling membantu dan menyokong dalam persekitaran yang autentik. Menerusi peluang-peluang yang disediakan, pelajar boleh menghayati nilai dan membina kebiasaan dan mempamerkan kelakuan yang bertanggungjawab.

- **Galakkan kebiasaan meminta bantuan dan bina saluran laporan yang selamat**

Guru boleh menggalakkan kebiasaan meminta bantuan dengan membimbing pelajar untuk memahami bahawa sikap meminta bantuan merupakan satu tanda kedayatahan dan bukanlah tanda kelemahan. Ajar pelajar untuk membezakan antara laporan palsu dan benar, dan sediakan pelajar dengan kemahiran meminta dan memberikan bantuan. Guru boleh memantau interaksi antara pelajar dan turut serta dalam interaksi mereka. Guru juga boleh mengambil kira untuk melaksanakan rakan-rakan dalam Lingkungan (*Circle of Friends*) bagi pelajar yang memerlukan sokongan yang intensif.

Guru boleh menyediakan saluran laporan yang selamat (Contoh: jurnal mingguan, mesej menerusi e-mel) bagi pelajar. Penting untuk guru meneliti semua laporan. Pelajar yang menjadi mangsa atau saksi terhadap perbuatan yang menyakitkan tidak akan meminta bantuan daripada orang dewasa sebab mereka berfikir bahawa guru-guru mereka tidak akan mempercayai mereka dan tiada tindakan susulan yang akan diambil. Adalah penting untuk menjaga kerahsiaan pelajar dan memberikan keyakinan kepada pelajar bahawa identiti mereka tidak akan diberitahu kepada orang lain kecuali pelajar menyatakan bahawa mereka akan menyakiti diri sendiri atau orang lain, atau ada orang yang menyakiti mereka, atau mereka dalam keadaan tertekan (*distressed*). Dalam kes-kes sebegini, guru boleh meminta nasihat atau merujuk kaunselor sekolah.

PERTIMBANGAN 3: MENGENAL PASTI RUANG UNTUK PEMBANGUNAN

- **Analisis sebab dan pencarian jalan penyelesaian**

Apabila sesuatu isu timbul, perhatikan konteks dan berbual dengan pelajar yang terlibat untuk membincang isu tersebut. Tingkah laku yang tidak wajar berlaku mungkin disebabkan oleh kelemahan dari segi usaha pencegahan yang dilakukan oleh guru (Contoh: rutin yang tidak efektif, mesej guru yang tidak konsisten, hubungan antara guru-pelajar yang lemah atau kurang penerimaan daripada pelajar yang mencetuskan tingkah laku yang tidak wajar). Mengenal pasti ruang bagi pembangunan melibatkan usaha mengenal pasti dan membetulkan keadaan di bilik darjah yang menyebabkan timbulnya tingkah laku yang mengganggu pembelajaran. Guru boleh memperbaiki rutin yang ada dan tukar dengan rutin yang baharu jika perlu. Bekerjasama dengan rakan-rakan guru yang mengajar kelas yang sama untuk menunjuk cara jangkaan yang diharapkan untuk membentuk persekitaran sosial kelas tersebut. Guru sentiasa mengenal pasti dan memikirkan ruang-ruang pembangunan bagi kelasnya semasa mengajar, menilai dan memantau tugas pelajar dan berinteraksi dengan pelajar di dalam dan di luar bilik darjah.

Adakalanya isu lebih difahami apabila guru memahami persekitaran rumah pelajar. Oleh sebab ibu bapa merupakan orang-orang yang berkepentingan yang utama, guru perlu mengambil kira pelibatan ibu bapa sebagai rakan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan isu yang timbul dengan pantas. Menghubungi ibu bapa untuk meminta bantuan dan berbincang mengenai sebab-sebab yang mungkin menjadi penyebab kepada tingkah laku yang tidak wajar pastinya membantu dalam menghuraikan isu yang timbul. Ibu bapa boleh terlibat dalam pelan pembinaan, pelaksanaan dan pemantauan untuk membantu anak-anak mereka. Penting bagi guru untuk memberitahu pegawai-pegawai sekolah yang bertanggungjawab mengenai perkara yang dibincangkan dengan ibu bapa untuk memastikan maklumat yang sama difahami secara konsisten oleh semua pihak yang memberikan sokongan kepada pelajar yang terlibat. Pelajar yang memerlukan sokongan yang khas memerlukan sokongan sasaran daripada sekolah untuk belajar. Proses mengenal pasti jenis sokongan yang diperlukan di peringkat awal membantu dan mengukuhkan pembangunan pelajar menerusi program intervensi dari awal lagi.

- **Pantau dengan teliti semasa pelajar melaksanakan tugas dan ubah suai pengajaran**

Mengenal pasti peluang pembangunan bagi pelajar melibatkan usaha mengenal pasti tanda-tanda bahawa pelajar tidak upaya memenuhi jangkaan yang ditetapkan untuk kelas. Apabila guru memberikan respons kepada situasi tersebut dan melakukan penyesuaian, pelajar boleh melibatkan diri secara berkesan dalam aktiviti pembelajaran. Perhatikan dengan teliti dan pastikan bahawa pelajar terlibat aktif dan tahu apa yang perlu dilakukan. Sekiranya mereka saling berbual atau seperti dalam kebingungan dan memerlukan penjelasan, berikan respons dengan menjelaskan apa yang perlu dilakukan atau menggunakan visual agar pelajar memahami apa yang perlu dilakukan. Sekiranya pelajar berasa bosan, ia mungkin merupakan tanda bahawa rentak pembelajaran terlalu perlahan atau strategi pengajaran kurang berkesan. Fikirkan cara bagaimana menjadikan pembelajaran lebih menarik dengan merujuk Amalan Pengajaran dan aktiviti-aktiviti mengajar yang terdapat dalam Pelaksanaan Pelajaran.

- **Kenal pasti pelajar yang mempunyai tanda-tanda memerlukan pertolongan (*distress*)**

Apabila pelajar menunjukkan tanda-tanda memerlukan pertolongan, ia mungkin tanda bahawa pelajar memerlukan bantuan tambahan. Berikut merupakan tanda-tanda biasa bagi pelajar yang memerlukan pertolongan dan sokongan tambahan:

- Mempamerkan tingkah laku yang biasanya tidak dilakukan
- Kecederaan yang sukar dijelaskan
- Pelajar mengubah penampilan, minat dan kebiasaan
- Mudah marah
- Memberontak dan berkelakuan agresif
- Ponteng atau tidak hadir ke sekolah dalam jangka masa yang lama, atau mengasingkan diri daripada orang lain
- Mengalami kesukaran untuk fokus dalam pelajaran atau mudah penat
- Mengirim atau mengepos mesej-mesej tidak baik atau keterlaluan

Apabila pelajar mempamerkan salah satu atau kombinasi tanda-tanda sebegini atau yang lebih parah, ini mungkin merupakan tanda-tanda bahawa pelajar sedang mengalami tanda-tanda yang mereka memerlukan bantuan dari segi emosi dan sosial. Minta bantuan daripada kaunselor sekolah dan rujuk pelajar yang mengalami tanda-tanda memerlukan bantuan yang parah kepada kaunselor sekolah.

- **Berbual dengan pelajar untuk memahami cerita di sebalik tingkah laku mereka**

Berbual dengan pelajar secara individu boleh membantu memahami mereka dan mengetahui sebab-sebab pelajar berkelakuan sebegini. Sabar, cuba fahami dan bersikap terbuka apabila berbual dengan pelajar. Tanyakan soalan untuk menggalakkan pelajar berkongsi dan tunjukkan bahawa anda mendengar perkara yang dikongsi. Guru perlu memparafrasakan perkara yang dinyatakan pelajar secara objektif untuk memastikan guru memahami dengan tepat.

- Semasa mengenal pasti peluang-peluang pembangunan, penting untuk guru bersikap objektif, tidak mengambil kelakuan pelajar secara peribadi atau memberikan reaksi secara emosi atau terburu-buru. Sebaliknya, cuba pastikan sebab atau punca dan fikirkan jalan penyelesaian.
- Pelajar yang mempunyai keperluan pembelajaran seperti ADD memerlukan bantuan jurulatih yang khusus termasuklah membina dan memantau matlamat peribadi, rutin yang konsisten, dan persekitaran yang tersusun dan boleh dijangkakan.

PERTIMBANGAN 4: MEMANTAU DAN MENGURUS TINGKAH LAKU

- **Memantau, memerhati dan tunjukkan anda tahu**

Di dalam bilik darjah, guru perlu bergerak dalam kalangan pelajar untuk memerhatikan mereka. Pastikan guru sedar apa yang berlaku di luar bilik darjah. Gunakan senarai nama pelajar untuk mencatat keseringan, tahap, jangka masa dan lokasi kelakuan baik atau buruk daripada pelajar. Tidak perlu bagi guru untuk memberitahu perkara tersebut di hadapan semua pelajar untuk melindungi harga diri mereka. Guru boleh menggunakan data tersebut untuk mengenal pasti tingkah laku buruk yang berlarutan, atau mencatatkan kelakuan baik pelajar.

Untuk membantu Kumpulan Pembangunan Pelajar di sekolah merancang program yang sesuai dan memenuhi keperluan pelajar dan mengukuhkan pembelajaran nilai dan kemahiran, beritahu mereka tentang tingkah laku pelajar yang tidak wajar yang biasa dilakukan pelajar atau trend yang anda perhatikan dalam kalangan pelajar anda.

- **Fahami sebab mengapa pelajar berkelakuan begitu**

Pemantauan dan pengurusan tingkah laku melibatkan pemerhatian, pemahaman dan pengurusan tingkah laku pelajar. Hal ini berlaku sepanjang proses pengajaran dan merupakan proses jangka panjang untuk mengubah tingkah laku. Matlamat akhirnya adalah untuk membina disiplin pelajar secara sendiri dan membina perwatakan yang baik, dan bukan sahaja untuk tujuan mematuhi peraturan yang disediakan.

Penting untuk guru memahami bahawa tingkah laku merupakan satu bentuk komunikasi yang boleh dipelajari, dan merupakan satu bentuk tindak balas terhadap persekitaran. Sebelum membetulkan tingkah laku pelajar, penting untuk guru mempertimbangkan sebab pelajar berkelakuan sedemikian dan berikan bantuan yang sewajarnya. Hal ini membantu guru untuk menangani punca kepada masalah daripada menangani tanda-tandanya. Punca penyebab masalah mungkin disebabkan oleh rutin kelas dan pembelajaran yang tidak berkesan, hubungan negatif antara pelajar, tanggapan kurang jelas antara guru-pelajar, dan jurang dari segi kecekapan sosio-emosi. Penting juga untuk membantu pelajar memahami dan menguruskan emosi mereka. Dengan melakukan perkara tersebut, guru juga membantu menguruskan tingkah laku mereka di bilik darjah.

Guru juga boleh mengundang guru lain untuk berkongsi pemerhatian mereka tentang para pelajar di dalam kelas. Kumpulkan semua maklumat mengenai pemerhatian yang dilaksanakan dan lakukan analisis untuk mengenal pasti faktor-faktor penyebab kelaziman berlakunya tingkah laku yang tidak wajar. Guru juga boleh menentukan dan menangani sebab sebenar yang cuba disampaikan oleh pelajar menerusi tingkah laku yang tidak wajar.

Penting juga untuk membantu pelajar memahami dan menguruskan emosi mereka. Contohnya, pelajar mungkin memerlukan bimbingan untuk mengenal pasti dan menguruskan emosi mereka. Dengan menyediakan pelajar dengan kemahiran sosial dan emosi, guru boleh membantu pelajar menguruskan tingkah laku mereka di dalam kelas dengan lebih baik lagi.

- **Berikan respons terhadap tingkah laku dengan wajar**

Menguruskan tingkah laku juga tentang mengambil tindakan untuk mengiktiraf tingkah laku yang positif, dan menghentikan serta menggantikan tingkah laku yang sebaliknya. Ia juga tentang usaha membantu pelajar mempelajari kemahiran untuk bertingkah laku secara positif, dan memperkasakan mereka untuk memahami dan bertanggungjawab atas tindakan yang mereka lakukan. Walau apapun tingkah laku pelajar, guru perlu memberikan contoh interaksi positif dan saling menghormati, dan menunjukkan contoh kecekapan sosial dan emosi semasa memberikan respons terhadap tingkah laku yang dipamerkan oleh pelajar.

Tindakan balas guru perlu sesuai dengan jenis tingkah laku (kekerapan, tahap dan jangka masa), dan keperluan pelajar. Apabila pelajar berkelakuan tidak wajar, elakkan hal tersebut daripada menyokong mana-mana pihak agar situasi dapat dikawal. Jangan berat sebelah dan jangan

terlibat secara peribadi. Guru boleh belajar menggunakan strategi umum untuk mengelakkan berlakunya tingkah laku yang tidak diingini.

Setelah memberikan respons terhadap tingkah laku yang tidak wajar, guru boleh meminta pelajar bertemu guru selepas kelas. Cara ini akan mengurangkan gangguan pada pembelajaran di bilik darjah dan menghormati harga diri pelajar. Perbualan secara individu membantu guru membimbing pelajar untuk melakukan refleksi tentang kesan dan impak tindakan mereka tanpa dipengaruhi oleh tekanan rakan mereka. Pelajar ini juga boleh diminta untuk memikirkan dari segi perspektif dan perasaan orang lain, jika perlu.

Guru juga boleh 'tidak melayan' atau mengabaikan tingkah laku yang tidak wajar sebagai strategi untuk mengurus pelajar yang memerlukan perhatian. Namun begitu, guru juga harus mengiktiraf tingkah laku yang positif agar perhatian juga diberikan kepada para pelajar yang mempamerkan tingkah laku positif.

Tindakan guru boleh dipelbagaikan. Contohnya, guru boleh memberikan respons menggunakan isyarat bukan lisan dan secara lisan pada tingkah laku pelajar yang tidak begitu serius. Guru boleh memberikan amaran dan menyatakan kesan-kesan sekiranya pelajar melanggar peraturan. Untuk tingkah laku yang tidak wajar tahap sederhana, guru boleh menghukum pelajar untuk membetulkan masalah apabila memberikan amaran tidak berkesan. Guru boleh menggunakan tekanan positif rakan sebaya atau sokongan para pelajar di dalam kelas untuk membetulkan tingkah laku yang tidak wajar. Bagi pelajar yang berterusan mempamerkan tingkah laku yang tidak wajar, guru boleh melibatkan guru lain, kaunselor sekolah, Jawatankuasa Disiplin, Kumpulan Pembangunan Pelajar dan ibu bapa sebagai rakan, dengan tujuan membantu pelajar bertingkah laku lebih baik.

- **Mengurus konfrontasi dan konflik**

Guru boleh mengukuhkan nilai dan kemahiran semasa menguruskan konflik dan menegaskan peraturan bilik darjah dan rutin. Dalam perbualan secara individu dengan pelajar, gunakan soalan untuk membantu pelajar memikirkan semula tentang peraturan kelas dan rutin dan melakukan refleksi tentang tingkah laku yang mereka pamerkan. Bantu dan bimbing pelajar menguruskan konflik. Sekiranya pelajar terjejas secara emosi, tangani situasi tersebut emosi dan lakukan penilaian. Apabila kedua-dua pihak telah bersedia, temukan mereka untuk menyelesaikan masalah. Sekiranya pelajar boleh menyelesaikan konflik tanpa sokongan, berikan ruang untuk mereka melakukannya sendiri. Namun, keselamatan pelajar menjadi keutamaan. Guru harus bersedia untuk memberikan sokongan sekiranya diperlukan.

Didik para pelajar yang lain agar peka terhadap tingkah laku yang mengganggu yang mereka lihat dan elakkan daripada merujuk pada pelajar tertentu. Bina kesediaan untuk menerima dan saling prihatin dalam kalangan pelajar dan berhati-hati agar tidak menyakiti perasaan dan hati pelajar lain. Guru boleh mendapatkan sokongan daripada pihak berkepentingan yang lain seperti guru subjek, rakan dan ibu bapa untuk mengiktiraf tingkah laku sosial yang positif dan boleh mempengaruhi pelajar lain secara positif. Rujuk pelajar yang berterusan mengganggu pembelajaran kepada pihak-pihak yang relevan di sekolah.

Guru perlu membantu pelajar bertanggungjawab atas tindakan mereka dengan menunjukkan perkara yang telah mereka lakukan, agar pelajar bertanggungjawab atas tindakan mereka dan memberikan peluang kepada mereka untuk membetulkan masalah dan mengembalikan

keharmonian. Gunakan soalan untuk membimbing pelajar melakukan refleksi dan memikirkan kesan dan impak perbuatan mereka terhadap diri dan orang lain. Bantu pelajar menghuraikan konflik. Tindak laku agresif yang berterusan merupakan tanda-tanda amaran tentang masalah tingkah laku yang lebih parah.

Penilaian awal tentang faktor risiko dan intervensi yang tepat amat penting. Guru boleh meminta bantuan daripada kaunselor sekolah dan Kumpulan Pembangunan Pelajar atau Jawatankuasa Disiplin.

PERTIMBANGAN 5: MELAKSANAKAN TINDAKAN SUSULAN YANG POSITIF DAN NEGATIF

- **Menyediakan kesan-kesan bagi tingkah laku positif dan melaksanakan kesan-kesan bagi tingkah laku negatif**

Melaksanakan tindakan positif dan negatif merujuk melaksanakan tindakan yang telah dipersetujui antara pelajar dengan guru terhadap tingkah laku negatif atau positif yang telah pelajar lakukan. Tindakan positif mengiktiraf dan mengukuhkan tingkah laku pelajar yang positif dan sebaliknya, tindakan negatif merupakan tindakan untuk mengurangkan tingkah laku yang negatif. Tindakan-tindakan ini harus dilaksanakan secara konsisten agar pelajar jelas tentang yang mana satu tingkah laku yang baik atau sebaliknya. Perkara ini menyokong kepada pembinaan persekitaran pembelajaran yang selamat dan dijangkakan. Guru perlu melaksanakan hal tersebut demi memperkasakan pelajar untuk bertanggungjawab atas tingkah laku mereka dan memupuk komuniti kelas.

Pastikan guru mempunyai jangkaan tingkah laku yang diharap bagi kelas. Iktiraf pelajar yang mempamerkan tingkah laku yang baik dengan memuji mereka atau menyediakan aktiviti yang menyeronokkan, diberikan tanggungjawab yang sesuai, dan diberikan keutamaan untuk memilih bahan bagi pembelajaran (jika sesuai). Berhati-hati dan pastikan pelajar memahami tujuan bahawa tingkah laku positif mereka itu membantu agar mereka terdorong untuk melakukannya lagi.

Sekiranya pelajar mengganggu kelas, guru boleh mengingatkan pelajar akan tindakan atau hukuman negatif yang akan dilaksanakan. Beri peluang kepada pelajar untuk membetulkan keadaan. Sekiranya pelajar berterusan berkelakuan tidak wajar, laksanakan tindakan negatif atau hukuman bagi memastikan mereka membetulkan masalah, berbaik semula dengan pelajar yang terlibat dan laksanakan tingkah laku positif yang diajarkan. Apabila melaksanakan tindakan negatif, guru perlu menunjukkannya berasaskan rasa saling menghormati dengan bertutur dengan tenang, jelas dan tegas dan fokus pada tingkah laku dan bukan pada orangnya. Pastikan guru mempamerkan rasa prihatin semasa berkomunikasi. Nilai kesediaan emosi pelajar untuk menerima tindakan negatif. Tindakan negatif tidak seharusnya memalukan atau boleh mencederakan pelajar secara fizikal. Jangan sekali-kali mengabaikan keperluan pelajar untuk makan, minum, masa rehat atau pembelajaran ketika pelajar gagal memenuhi jangkaan tingkah laku yang diharapkan.

Guru boleh merujuk pada jangkaan yang diharap bersama yang telah dipersetujui, dan bantu pelajar melihat kaitan antara sebab dan kesan, antara tingkah laku yang mereka lakukan dengan kesan atau akibat yang akan diterima atau sekiranya mereka melakukan tingkah laku sesuai

dengan jangkaan bersama yang telah dipersetujui. Contohnya seperti ponteng kelas, balik rumah lewat dan sebagainya.

Kesan dan akibat harus dibezakan sesuai dengan tingkah laku yang dipamerkan. Contohnya, akibat tidak memberikan tumpuan pada pelajaran berbeza dengan tingkah laku kurang ajar terhadap guru. Tindakan atau hukuman harus sesuai berdasarkan konteks. Guru juga perlu mengambil kira sekiranya konteks masih relevan atau berkesan untuk pelajar. Secara umum, pelaksanaan tindakan atau hukuman yang telah dipersetujui membina rasa saling percaya dan menghormati antara guru dan pelajar dan hal ini menyokong disiplin yang positif. Guru perlu menyemak semula tindakan dan hukuman untuk memastikan kerelevanan dan berkesanannya untuk mengubah tingkah laku pelajar ke arah yang lebih baik.

- **Gunakan bahasa yang menggalakkan kecekapan dan rasa pemilikan/tanggungjawab**

Apa yang dikatakan oleh guru penting. Bantu pelajar membuat kaitan antara usaha dan kesan dengan menggunakan pernyataan seperti 'Sebab awak telah ..., awak telah meraih/kehilangan/mendapat ...' atau 'Tingkah laku awak/pilihan awak akan mengakibatkan awak/menyebabkan awak ...'. Membantu pelajar memahami dan melakukan refleksi menerusi sudut pandang mereka menggalakkan kecekapan dan rasa pemilikan atau tanggungjawab.

PERTIMBANGAN 6: MENGURUS TUGASAN SECARA SERENTAK

- **Jangkakan Perkara yang Mengganggu atau tingkah laku dan uruskan hal tersebut**

Menguruskan tugas secara serentak merujuk keupayaan untuk memahami apa yang berlaku di dalam bilik darjah semasa menguruskan dua atau tiga aktiviti pembelajaran. Perkara memerlukan guru bersedia untuk bertindak dan memberikan respons pada perkara yang berlaku di dalam bilik darjah. Apabila perkara yang dirancang tidak berlaku di dalam bilik darjah, respons guru yang pantas dan berkesan membantu pelajar untuk memberikan tumpuan pada pelajaran dan mengembalikan suasana selamat dalam persekitaran pembelajaran.

Guru perlu peka dengan apa yang berlaku di dalam bilik darjah yang boleh mengganggu kelancaran proses pembelajaran. Contohnya, ada pelajar yang datang lambat dan mengganggu pelajaran yang sedang berlangsung. Guru boleh menghadapi masalah dari segi 'hardware' dan 'software' atau kedua-duanya semasa melaksanakan pembelajaran dalam talian.

Sediakan pelan kedua untuk memastikan pelajar terlibat dalam pembelajaran secara bermakna sekiranya guru perlu menangani gangguan tingkah laku yang buruk atau masalah disiplin. Guru perlu mengajar secara proaktif dan melatih pelajar untuk meneruskan pelajaran sekiranya berlaku gangguan. Pelajar harus tahu tentang kesan sekiranya mereka tidak melaksanakan pelan yang dirancang disebabkan pelajar harus bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Pamerkan pelan tersebut di dalam kelas agar semua guru boleh merujuk secara konsisten.

- **Perlu ada maklumat tentang perkembangan pelajar**

Dalam perkataan lain, guru perlu jelas dan tahu akan tahap pemahaman dan jurang pembelajaran pelajar tentang topik atau subjek. Perhatikan keadaan pelajar dan kenal pasti pelajar yang tidak

aktif dalam pembelajaran atas sebab-sebab tertentu, dan secara pantas meminta pelajar untuk fokus dan terlibat aktif dalam proses pembelajaran. Ingatkan pelajar secara lembut bahawa anda sedang memerhatikan tingkah laku pelajar dalam melaksanakan pelajaran.

ASPEK PENGAJARAN 3: MENETAPKAN JANGKAAN DAN RUTIN

Penetapan jangkaan dan rutin merupakan sebahagian daripada pendekatan proaktif dan positif ke arah pembinaan persekitaran pembelajaran yang selamat, tersusun, dijangkakan dan konsisten untuk menyokong interaksi, pembelajaran dan pembangunan pelajar seperti yang dihasratkan oleh **Falsafah Kurikulum Singapura**. Penetapan jangkaan dan rutin membolehkan guru menguruskan tugas-tugas secara serentak dan menghalang berlakunya tingkah laku buruk daripada berlaku dan mengganggu pembelajaran. Dengan adanya jangkaan dan rutin yang jelas, guru menghindari daripada menggunakan masa untuk menguruskan tingkah laku buruk sepanjang tahun. Jangkaan yang jelas menyediakan panduan umum yang luas untuk menggalakkan tingkah laku positif bagi semua pelajar tanpa mengira apa juga latarnya. Rutin pula menjelaskan langkah-langkah yang patut diperlukan oleh pelajar untuk memenuhi jangkaan yang menyokong interaksi dalam bilik darjah dan pembelajaran.

Penyediaan jangkaan dan rutin membantu guru untuk membina persekitaran pembelajaran yang selamat. Guru perlu melibatkan pelajar untuk membantu mereka memahami dan bersetuju dengan rasional mengapa pelajar perlu mematuhi rutin dan jangkaan. Pelajar juga perlu diajar bagaimana untuk bekerjasama dan berkolaborasi dengan rakan-rakan untuk mencapai jangkaan, dan melaksanakan rutin dengan lancar sebagai sebuah pasukan dari kelas yang sama. Apabila pelajar memahami jangkaan dan rutin, mereka akan lebih bertanggungjawab terhadap tingkah laku mereka baik secara individu dan sewaktu berinteraksi dengan orang lain.

Penetapan jangkaan melibatkan usaha guru untuk memudah cara pemahaman tentang apa itu tingkah laku yang baik dan juga komunikasi tentang akibatnya jika pelajar bertingkah laku buruk. Jangkaan yang jelas dan konsisten membantu pelajar untuk mengetahui apa itu tingkah laku yang buruk. Semasa menetapkan jangkaan, guru boleh:

- Mengenal pasti jangkaan asas mengenai apa itu tingkah laku yang tidak sesuai. Perkara ini boleh dijelmakan dalam bentuk peraturan tentang jangkaan tingkah laku yang dianggap sesuai. Setiap jangkaan harus mudah difahami dan pelaksanaannya harus dilakukan secara konsisten oleh guru terutama sekali Apabila melibatkan pelajar yang memerlukan keperluan khas (SEN). Kesan-kesannya juga harus jelas dan perlu dijelaskan dan difahami oleh pelajar dan dilaksanakan oleh guru.
- Libatkan pelajar semasa membina bersama peraturan untuk membantu mereka memahami pemahaman yang sama tentang peraturan tersebut. Dengan melakukan hal demikian, guru telah memenuhi keperluan autonomi pelajar.

Penetapan rutin merujuk pada perancangan, pengajaran dan pelaksanaan prosedur yang diperlukan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Rutin melibatkan

- rutin pengendalian kelas
- rutin pengendalian pelajaran

- rutin interaksi

Rutin seharusnya mudah difahami dan mudah dilaksanakan. Rutin menyediakan pelajar dengan langkah-langkah yang jelas dan teratur, dan menyokong pelajar untuk memenuhi jangkaan bersama dalam situasi di bilik darjah yang berbeza. Semasa mereka bentuk rutin, guru perlu mengambil kira umur dan profil pelajar. Seperti penetapan jangkaan, guru perlu menentukan rutin utama terlebih dahulu sebelum memperkenalkan rutin-rutin yang lain jika perlu. Sekiranya dirancang dan diamalkan dengan baik, rutin akan mengurangkan masa guru daripada perlu memberikan arahan berulang kali dan pelajar tidak perlu bertanyakan soalan untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran secara kerap. Guru yang menetapkan jangkaan utama dan rutin dengan para pelajar mereka biasanya berjaya menguruskan kelas dengan berkesan. Untuk memupuk pelajar yang berdaya tahan yang bekerja keras untuk melakukan yang terbaik, penting bagi guru menyediakan jangkaan yang sesuai, serta menyediakan sokongan yang diperlukan untuk mencapai jangkaan tersebut.

PERTIMBANGAN 1: MENETAPKAN RUTIN PENGENDALIAN BILIK DARJAH

Penetapan rutin pengendalian kelas melibatkan perancangan, pengajaran dan pelaksanaan rutin yang direka bentuk bagi memastikan pelajaran berjalan lancar.

- **Merancang rutin pengendalian kelas**

- Jadikan rutin sekolah dan rutin yang pernah diamalkan oleh guru lain sebagai asas rujukan. Perkara ini penting terutamanya bagi guru yang baru mula bertugas di sekolah tersebut.
- Berbincang dengan guru subjek yang lain tentang kelas dan bagaimana memperhalus dan menetapkan rutin yang standard bagi kelas. Penetapan rutin kelas yang standard membolehkan pelajar memahami dan mengamalkan rutin dengan pantas dan mengurangkan kebingungan dalam kalangan pelajar. Guru boleh memperkenalkan rutin baharu berdasarkan konteks atau profil pelajar, apabila perlu.

- **Merancang rutin pengendalian pelajaran**

- Rutin perlu diperkenalkan dan diajar pada minggu pertama tahun akademik. Jelaskan kepada pelajar langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi setiap rutin. Penggunaan kad visual boleh membantu terutamanya pelajar SEN.
- Jelaskan rutin menggunakan bilik-bilik khas di sekolah. Pelajar juga perlu diajar tentang aspek keselamatan menggunakan bilik-bilik khas antaranya yang berkaitan dengan peralatan dan bahan tajam yang boleh membawa kecederaan.
- Amalkan rutin-rutin tersebut sehingga guru menyaksikan bahawa pelajar telah mampu mengikuti rutin yang diharapkan dengan tetap dan baik.

- **Melaksanakan rutin pengendalian kelas**

- Perhatikan pelajar semasa melaksanakan rutin dan berikan maklum balas, apabila perlu.
- Iktiraf tingkah laku pelajar yang baik dan bimbing usaha bersama pelajar untuk melaksanakan rutin dengan betul secara seluruh kelas.

- Berikan penghargaan yang positif apabila pelajar melakukan rutin dengan baik, berikan peluang kepada pelajar untuk mengamalkan rutin dengan lebih baik. Matlamat penting yang diinginkan dicapai ialah setiap pelajar boleh melakukan rutin dengan betul secara sendiri.

Pengendalian rutin kelas, biasanya bukan bersifat akademik digunakan untuk menyokong urusan pentadbiran kelas, memudah cara pergerakan pelajar, dan penjagaan persekitaran pembelajaran yang selamat, tersusun, boleh dijangkakan dan konsisten.

PERTIMBANGAN 2: MENETAPKAN RUTIN PENGENDALIAN PELAJARAN (*SETTING LESSON-RUNNING ROUTINES*)

Penetapan rutin pengendalian pelajaran melibatkan perancangan, pengajaran dan penegasan rutin-rutin yang direka bentuk untuk membantu pelajar bersedia untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang akan berlangsung, memudahcarakan peralihan antara aktiviti-aktiviti pembelajaran dan memaksimumkan masa yang diperuntukkan bagi sesuatu pelajaran. Contohnya, guru boleh amalkan rutin bagi memulakan pelajaran secara terus tanpa berlengah, dan rutin menutup pelajaran secara teratur bagi menyediakan pelajar dengan pelajaran yang seterusnya. Latih dan tegaskan cara melaksanakan rutin sehingga pelajar terbiasa dengan rutin tersebut.

Rutin pengendalian pelajaran membantu pelajar terutama pelajar yang menghadapi *Autism Spectrum Disorder (ASD)*, untuk terbiasa dengan jangkakan untuk memulakan dan menutup pelajaran.

Jadual di bawah merupakan beberapa contoh rutin bagi pelbagai tahap pelajaran:

1. Gunakan isyarat untuk mendapatkan perhatian pelajar sekiranya perlu. Isyarat untuk mendapatkan perhatian jika terlalu kerap atau disalahgunakan akan mengurangkan keberkesanan penggunaannya.
2. Apabila perlu mengawal keadaan kelas, isyarat untuk mendapatkan perhatian boleh direndahkan ketinggian, pic (*pitch*) atau nada suara untuk memberi isyarat yang pelajar perlu senyap dan mendengar penerangan guru. Guru perlu menunggu sehingga tiada bunyi atau suara lain yang masih mengganggu sebelum guru bercakap.
3. Ada pelajar yang mungkin tidak boleh fokus pada guru sekiranya ada ramai pelajar yang membuat bising. Pastikan arahan diberikan setelah semua pelajar memberikan perhatian.

• Merancang Rutin Pengendalian Pelajaran (*Planning lesson-running routines*)

- Rancang dan reka bentuk rutin pengendalian pelajaran yang membantu pelajar membina persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong strategi pengajaran yang sering guru gunakan.
- Berikan masa yang cukup apabila guru memperkenalkan rutin baharu kepada pelajar agar guru dapat menganggarkan masa yang diperlukan oleh pelajar untuk mengikuti aktiviti pelajaran yang disediakan.

• Mengajar Rutin Pengendalian Kelas (*Teaching lesson-running routines*)

- Sediakan masa yang cukup pada minggu-minggu pertama persekolahan bermula atau semasa pelajaran pertama dilaksanakan dengan kelas yang guru akan mengajar untuk memperkenalkan dan mengajar rutin-rutin yang telah ditetapkan.

- Jelaskan rasional rutin diperkenalkan (Contoh: Gunakan masa yang cukup untuk pelajar menyelesaikan aktiviti pembelajaran)
 - Jelaskan kepada pelajar langkah-langkah yang perlu diambil rutin pengendalian pelajaran.
 - Jelaskan kepada pelajar langkah-langkah yang perlu mereka ambil untuk rutin pengendalian kelas, mengenalkan kepada mereka apabila keperluan tersebut timbul. Guru mungkin perlu menjelaskan secara spesifik tindakan yang akan diambil kepada pelajar muda dan pelajar yang mempunyai keperluan khas (SEN) selain sekadar berkata 'Berikan perhatian!', guru perlu memberikan arahan yang spesifik seperti 'Letakkan pensel kamu di atas meja dan pandang Cikgu'. Apabila guru memerlukan perhatian pelajar, guru mungkin perlu meminta pelajar untuk 'Pusing dan pandang Cikgu' untuk memastikan mata pelajar memandangi guru.
 - Sesuaikan rutin yang ada mengikut konteks atau ajar rutin-rutin baharu apabila ada perubahan dalam konteks landskap pendidikan atau konteks pelajaran atau apabila ada perubahan pada mod pelajar (Contoh: dari pembelajaran secara bersemuka pada pembelajaran dalam talian atau e-pembelajaran). Dengan melakukan hal ini akan membantu pelajar menyesuaikan diri dengan perubahan pada persekitaran pembelajaran.
- **Mengukuhkan Pengendalian Rutin Pelajaran (*Reinforcing lesson-running routines*)**
 - Perhatikan pelajar melaksanakan setiap rutin dan berikan maklum balas apabila perlu.
 - Kukuhkan kelakuan yang positif secara konsisten dengan memuji kelakuan positif yang dipamerkan oleh pelajar, dan mengingatkan pelajar yang tidak berbuat demikian untuk melakukannya. Berikan pujian seperti 'Syabas, kamu menulis dengan kemas!' dan 'Usaha yang baik, kamu telah melakukan tugas yang diminta' untuk menandakan pelajar telah berkelakuan baik dan sebagai peringatan kepada pelajar mempunyai keperluan khas (SEN).
 - Semak setiap rutin sama ada rutin tersebut menyokong pembelajaran pelajar atau membantu pelajar membuat penyesuaian dari satu aktiviti ke aktiviti pembelajaran yang lain. Semak sekiranya guru perlu membuat perubahan pada langkah-langkah atau arahan yang perlu diberikan untuk memudah pelajar mengikuti urutan pelajaran. Setelah memperhalus rutin, kukuhkan agar rutin tersebut menjadi amalan dalam pelaksanaan pelajaran dan pelajar tidak perlu diingatkan berkali-kali mengenai hal tersebut.

PERTIMBANGAN 3: MENETAPKAN RUTIN BERINTERAKSI (*SETTING INTERACTION ROUTINES*)

Menetapkan rutin interaksi memerlukan perancangan, pengajaran dan pengukuhan penggunaan rutin yang telah ditetapkan untuk memudah cara perbualan dan interaksi semasa pelajaran. Rutin-rutin ini perlu sebab ia membantu guru menggunakan pelbagai strategi pengajaran yang melibatkan pelajar dalam pelbagai konteks atau pola interaksi dalam kumpulan, berpasangan, perbincangan kumpulan kecil, seluruh kelas atau kerja secara individu. Oleh sebab itu, rutin interaksi boleh membantu guru memudah cara aktiviti memberikan pandangan mengikuti pusingan dan memilih perspektif semasa perbincangan. Rutin sebegini membantu guru menguruskan peralihan dari satu aktiviti ke aktiviti yang memerlukan pola interaksi yang berbeza. Contohnya, ada rutin interaksi yang boleh digunakan untuk menyusun pergerakan pelajar dari aktiviti bekerja secara sendiri ke perbincangan dalam kumpulan kecil.

Pertimbangkan proses kolaboratif apabila menetapkan jangkaan atau rutin. Pelibatan pelajar boleh meningkatkan rasa bertanggungjawab dan komitmen pelajar untuk menyelesaikan perkara menerusi rutin yang ditetapkan. Pelajar yang lebih muda boleh terlibat dalam proses kolaborasi, dengan sokongan perancangan yang disediakan (Contoh, ayat permulaan). Bagi pelajar yang lebih dewasa, pertimbangkan proses kolaboratif apabila membina dan memperhalus rutin berinteraksi. Contohnya, anda boleh membina senario yang berbeza dan minta pelajar untuk memberikan input, atau anda boleh mengundang mereka untuk berkongsi bagaimana mereka memberikan respons kepada situasi tertentu.

Merancang rutin berinteraksi

- Rancang dan reka rutin interaksi yang membantu anda membina persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyokong pelbagai jenis interaksi yang sering anda gunakan di bilik darjah. Rutin interaksi seharusnya direka bentuk untuk membimbing bagaimana pelajar memberikan respons kepada soalan-soalan anda semasa pengajaran seluruh kelas dan terlibat aktif dalam perbincangan tanpa menguasai perbualan atau perbincangan yang berlaku.
- Tetapkan rutin interaksi yang anda mahu lakukan dan tentukan rasionalnya. Contohnya, semasa pengajaran atau perbincangan seluruh kelas, anda boleh menjelaskan agar pelajar tidak memberikan jawapan secara berkumpulan yang sama berdasarkan soalan yang anda tanyakan. Sebaliknya, mereka perlu mengangkat tangan dan menunggu sehingga anda diminta untuk mengongsi respons anda. Hal ini akan membolehkan semua pelajar terlibat dalam aktiviti perbincangan, mendengar pandangan dan sumbangan rakan serta memikirkan isu-isu yang ditimbulkan bersama-sama.
- Reka bentuk rutin interaksi yang menyokong anda untuk menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran.
- Rutin interaksi boleh juga direka untuk memudah cara aktiviti memberikan pendapat atau perspektif mengikut giliran untuk melibatkan diri dalam aktiviti berpasangan atau dalam kumpulan perbincangan yang kecil. Reka rutin interaksi tersebut agar menyokong anda semasa memudah cara pembelajaran secara kolaboratif dengan mengambil kira bagaimana pelajar dipasangkan atau dikumpulkan. Tugasan kolaboratif perlu direka untuk mencapai objektif pelajaran, memberikan cabaran yang sesuai kepada pelajar dan menawarkan peluang kepada pelajar untuk mempertimbangkan pelbagai perspektif.
- Apabila memberikan tugas kepada kumpulan, anda boleh mempertimbangkan faktor-faktor berikut:
 - Mutu hubungan dalam kalangan pelajar yang diperhatikan semasa interaksi;
 - Perlunya kepelbagaian dalam kumpulan, dan menyediakan peluang untuk memudah cara pelibatan aktif dan membina kohesi dalam kalangan pelbagai ahli kumpulan;
 - Perlunya untuk memberikan tugas kepada pelajar dan menyediakan peranan yang berlainan agar pelajar meraih pengalaman pembelajaran yang berbeza dan menerima perspektif yang berlainan; dan
 - Perlunya untuk mempelbagaikan kumpulan secara kerap sesuai dengan perubahan minda yang membina atau tumbuh (*growth mindset*)
- Tetapkan langkah-langkah bagi setiap rutin interaksi yang dirancang. Berikut merupakan contoh langkah-langkah untuk membantu pelajar melakukan peralihan yang lancar dari aktiviti berasaskan ICT ke aktiviti seterusnya:

- Arahkan pelajar untuk menyelesaikan tugas (contoh: kirim pos hantaran dalam talian) dan bersedia untuk aktiviti selanjutnya. Jika perlu, tetapkan masa, dan tunjukkan 'timer' di skrin.
 - Arahkan pelajar untuk menutup *laptop/tablet*, dan memandang ke hadapan kelas.
 - Semak dan pasti pelajar memberikan perhatian kepada anda sebelum memberikan arahan selanjutnya.
- Rutin Interaksi Pengajaran (*Teaching Interaction Routines*)
 - Jelaskan rasional rutin interaksi (Contoh: Memberikan peluang kepada pelajar untuk bersuara semasa perbincangan, memastikan berlakunya peralihan yang lancar)
 - Perkenalkan dan ajar rutin interaksi semasa pertama kali memperkenalkan pola interaksi yang menyokong pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, Semasa menggunakan Aktiviti Mengajar Fikir-Berpasangan-Berkongsi (*Think-Pair-Share*), jelaskan manfaat rutin interaksi yang relevan dengan kemahiran pembelajaran sosial-emosi seperti kemahiran mendengar, menyumbang pandangan alternatif, bersetuju dan melibatkan semua orang dalam perbincangan.
 - Menegaskan Rutin Interaksi (*Reinforcing Interaction Routines*)
 - Perhatikan pelajar semasa melaksanakan setiap rutin untuk memastikan Setiap pelajar mempunyai peluang untuk berkongsi perspektif, dan pertimbangkan untuk memberikan maklum balas, bila perlu.
 - Iktiraf apabila pelajar terlibat dengan aktif, berinteraksi antara satu sama lain, dan memberikan sumbangan secara konstruktif dalam perbincangan.
 - Perhatikan sekiranya ada pelajar yang berasa kurang selesa melakukan tugas secara berkumpulan atau tidak terlibat, dan kenal pasti sebab-sebabnya.

Guru perlu mengambil langkah intervensi. Bimbing pelajar menguruskan konflik yang berlaku, bantu mereka untuk menangani perbezaan. Sekiranya ada pelajar yang berkelakuan tidak elok dengan tujuan mengganggu kerja berkumpulan, dan berkelakuan biadap walaupun sudah berkali-kali diberikan amaran, guru perlu melaksanakan tindakan sesuai dengan kesan daripada kelakuan tersebut untuk mengembalikan hubungan yang terjejas. Guru juga mungkin perlu memberikan maklum balas sama ada mereka bercakap terlalu lantang, yang mungkin mengganggu perbincangan kumpulan lain.

PERTIMBANGAN 4: MENGIMBAS, MEMBETULKAN DAN MENERUSKAN SEMULA (SCANNING, CORRECTING, RESUMING)

Guru yang berkesan mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah. Mereka meneliti dan sedar tentang kelakuan pelajar yang berlaku dalam bilik darjah. Kesedaran ini dapat memastikan pelajar mematuhi kelakuan yang diharapkan. Guru seperti ini mengimbas keadaan bilik darjah secara kerap dan memastikan mereka konsisten dalam melaksanakan jangkaan dan rutin. Mereka menjelaskan dan membetulkan kelakuan yang tidak elok, memuji pelajar yang mempamerkan kelakuan yang diharapkan. Mereka juga melaksanakan tindakan yang sesuai terhadap pelajar yang tidak mematuhi jangkaan dan rutin apabila perlu.

- **Mengimbas bilik darjah (*Scan the classroom*)**

Memantau dan mengimbas bilik darjah secara konsisten untuk memastikan pelajar melaksanakan kelakuan yang diharapkan. Dengan cara ini, guru menjadi lebih sedar tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah, dan boleh melaksanakan tindakan susulan, apabila perlu.

- **Betulan kelakuan yang tidak elok dan menegaskan rasional yang dijangkakan (*Correct undesirable behaviour and reinforce the rationale for the expectation*)**

Bagi pelajar yang mempamerkan kelakuan yang tidak menepati jangkaan yang dipersetujui, betulkan kelakuan tersebut dengan menggunakan cara yang paling mudah (menggunakan tatapan mata, bila perlu) dan tidak mengganggu pelajaran untuk memaksimumkan masa mengajar. Tegaskan kelakuan yang positif sebagai peringatan, atau menggunakan amaran *non-verbal* untuk menegaskan kelakuan yang dijangkakan. Contohnya, berikan peringatan secara lisan, secara individu atau secara berkumpulan untuk mengambil langkah yang spesifik seperti 'Saya perlu melihat setiap pelajar melaksanakan tugas masing-masing secara senyap' dan ikuti dengan tatapan mata sekiranya perlu.

- Laksanakan fleksibiliti terhadap pelajar yang mungkin tidak dapat diawasi secara tatapan mata atau tidak fokus

Pantau pelajar untuk mengikut arahan. Sekiranya ada pelajar yang tidak mematuhi arahan, guru perlu melaksanakan tindakan yang sesuai. Apabila melaksanakan tindakan terhadap kelakuan yang tidak wajar, kenal pasti kelakuan tersebut dan pastikan tindakan yang diambil dilakukan secara sistematik dan konsisten. Tindakan terhadap kelakuan yang tidak wajar perlu objektif dan dilaksanakan tepat pada masanya. Guru perlu melakukan tindakan susulan untuk menegaskan rasional dan jangkaan untuk membantu pelajar belajar tentang nilai yang cuba diketengahkan dalam pelaksanaan jangkaan yang diharapkan. Contohnya, 'Johan, sepatutnya awak berbincang tentang topik yang diberikan. Namun, kelakuan awak mengganggu perbincangan yang berlaku dalam kumpulan awak. Seperti yang dipersetujui sebelum ini, awak perlu melaksanakan tugas awak seorang diri di meja awak sehingga awak bersedia untuk kembali untuk bekerjasama dalam kumpulan.

Seboleh-bolehnya, betulkan kelakuan yang tidak wajar tanpa mengganggu pelajaran. Contohnya, guru boleh memberikan isyarat *non-verbal* dengan memberikan renungan yang tajam atau tegas tanpa memberikan tumpuan pada pelajar, dan bercakap dengan pelajar tersebut pada masa-masa yang sesuai dalam pelajaran.

- Sekiranya kelakuan pelajar SEN bertambah buruk sehingga boleh menjejaskan keselamatan, guru boleh melibatkan bantuan pegawai lain di Sekolah seperti Pendidik Bersekutu (*Allied Educators*) bagi Sokongan Kelakuan dan Pembelajaran (*Learning and Behaviour Support*) dalam menangani perkara tersebut.
- Walaupun kelakuan yang tidak wajar perlu diuruskan dan ditangani, guru digalakkan untuk sentiasa memikirkan untuk mengiktiraf pelajar yang mempamerkan kelakuan yang baik. Perkara ini akan memberikan motivasi kepada pelajar untuk berkelakuan baik semasa pelajaran berlangsung.

- **Meneruskan pelajaran (*Resume lesson*)**

Teruskan pelajaran segera, dengan bertenaga. Bercakap dengan pelajar secara tenang untuk menyakinkan pelajar bahawa intervensi yang dilakukan berkesan dan mereka boleh meneruskan aktiviti pembelajaran. Contoh, 'Ambil pensel anda dan teruskan menulis'.

ASPEK PENGAJARAN 4: MEMBINA KEPERCAYAAN

Membina kepercayaan antara guru dan pelajar sangat penting untuk membina hubungan yang positif. Bersikap prihatin, konsisten dan cekap dapat membantu membina kepercayaan dengan pelajar. Guru, sebagai orang dewasa yang boleh dipercayai, mengambil inisiatif untuk menghubungkan dan membina hubungan positif dengan pelajar berdasarkan kepercayaan bersama dan menghormati etos profesional dan batasan. Membina kepercayaan bermula dari hari pertama persekolahan apabila guru mula menegaskan interaksi dan hubungan rapat dengan pelajar. Guru harus membina kepercayaan secara konsisten sepanjang tahun persekolahan.

Apabila pelajar mempunyai anggapan bahawa guru mereka sangat prihatin, sensitif dengan keperluan dan percaya kepada mereka, pelajar biasanya akan membina kepercayaan antara mereka, dengan guru mereka dan berasa selamat untuk mendapatkan bantuan atau sokongan. Apabila guru jujur terhadap pelajar dan bersedia berkongsi tentang kesalahan yang mereka lakukan, pelajar akan beranggapan bahawa guru mereka benar-benar jujur dan pelajar akan lebih bersedia untuk menghubungi dan percaya kepada guru mereka (Mckinney & Berube, 2018).

Untuk membina kepercayaan, penting bagi guru untuk bertindak secara konsisten termasuk dalam perkataan dan tindakan agar pelajar menghargai guru mereka sebagai orang yang boleh dipercayai. Apabila guru konsisten, pelajar berasa selamat sebab mampu menjangkakan reaksi dan tindakan guru. Pelajar akan beranggapakan guru sebagai boleh dipercayai dan adil (Bruney, 2012). Oleh sebab itu, penting bagi guru secara sengaja dan konsisten untuk membina kepercayaan menerusi interaksi dengan para pelajar mereka.

Selain prihatin dan konsisten, guru juga perlu memahami keperluan pembelajaran pelajar dan cekap membantu mereka belajar secara efektif. Apabila guru mempamerkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan kandungan yang mendalam dan mampu menggunakan pelbagai cara dan pendekatan untuk melibatkan pelajar, pelajar biasanya cenderung untuk mempercayai guru dalam proses pembelajaran mereka.

Secara keseluruhan, apabila guru mempamerkan sikap prihatin, konsisten dan cekap, pelajar akan melihat guru sebagai orang yang boleh dipercayai dan pelajar memahami bahawa pemikiran dan tindakan yang guru lakukan adalah untuk manfaat dan kebaikan pelajar (Adamson, 2010).

Seperti yang dinyatakan dalam **Falsafah Kurikulum Singapura**, kami percaya bahawa pembelajaran berlaku dalam suasana pembelajaran yang prihatin dan selamat. Guru menerapkan hubungan antara guru-pelajar dan pelajar-pelajar yang positif agar budaya prihatin dan saling menghormati menyokong pembelajaran yang berkesan di bilik darjah.

PERTIMBANGAN 1: MEMPUNYAI JANGKAAN DAN KEPERCAYAAN YANG POSITIF TENTANG PELAJAR (*HAVING POSITIVE EXPECTATIONS AND BELIEFS ABOUT STUDENTS*)

• Mempunyai tanggapan positif tentang pelajar (*Assume the positive about students*)

Sebagai guru, tanggapan dan jangkaan anda menentukan jangkaan yang anda ada terhadap pelajar dan jumlah sokongan yang akan anda berikan kepada pelajar. Tanggapan ini termasuklah kepercayaan tentang diri anda sendiri, tugas anda sebagai guru dan bagaimana pelajar belajar dan berkembang. Tanggapan dan tindakan anda mempengaruhi pembinaan hubungan positif antara guru-pelajar yang sangat penting bagi perkembangan pelajar secara holistik (Muller, 2001).

Oleh sebab itu, penting bagi guru untuk mempunyai jangkaan dan kepercayaan yang positif tentang pelajar. Satu caranya adalah untuk fokus pada kejayaan pelajar. Memberikan pengesahan positif boleh merangsang pelajar untuk melakukan tindakan yang betul. Menerusi interaksi harian dengan pelajar, guru boleh membimbing pelajar untuk bersikap positif, memberikan maklum balas yang positif, dan merangsang dan mendorong pelajar dengan menggunakan nada positif (Lemov, 2015).

Apabila pelajar tidak mematuhi arahan atau peraturan atau tidak fokus pada aktiviti pembelajaran, pertimbangkan sekiranya pelajar berkemungkinan tidak memahami arahan dan jangkaan yang anda harapkan. Olah semula respons pelajar dan sediakan peluang untuk anda dan pelajar untuk berinteraksi dalam perbualan yang konstruktif tentang langkah ke seterusnya daripada situasi tersebut.

- Pelajar SEN berkemungkinan akan memberikan respons yang tidak biasa dengan pelajar-pelajar lain disebabkan masalah sosial, kelakuan dan pembelajaran yang dihadapi. Guru harus sedaya upaya untuk memahami masalah dan motivasi sebenar di sebalik respons yang diberikan oleh pelajar.

• Fokus pada kelakuan yang diharapkan (*Focus on the desired behaviour*)

Berikan fokus pada bagaimana pelajar boleh mempamerkan kelakuan yang diharapkan dalam pelajaran dan bukan pada apa yang mereka sedang lakukan atau kelakuan yang salah.

- Ada pelajar SEN (Contoh, Spektrum Autisme) berkemungkinan memerlukan penerangan yang eksplisit tentang perkara salah yang mereka lakukan dan perkara yang boleh mereka perbaiki
- Sistem memberikan ganjaran bagi kelakuan yang baik boleh menghalang pelajar daripada berkelakuan tidak elok

• Benarkan pelajar untuk tidak menyatakan nama sebenar menjaga martabat pelajar (*Allow anonymity to preserve the dignity of students*).

Budaya positif bilik darjah merupakan tanggungjawab bersama. Apabila pelajar tidak mematuhi peraturan, arahan atau jangkaan, guru boleh membetulkan pelajar secara individu dan tidak perlu bagi guru untuk memalukan pelajar di hadapan kelas.

• Hargai setiap pelajar sebagai individu (*Appreciate each student as an individual*)

Setiap pelajar mempunyai keperibadian yang unik, kemampuan dan latar belakang sosial-budaya yang berbeza. Mempunyai pemahaman yang lebih baik tentang pelajar membantu guru untuk memahami dan menyokong pelajar secara berkesan dalam pembelajaran dan perkembangan mereka. Menghargai setiap pelajar sebagai seorang individu membolehkan guru memahami pelajar mereka dan menunjukkan rasa empati bagi kelakuan yang mereka pameran.

PERTIMBANGAN 2: BERINTERAKSI DENGAN JUJUR (*INTERACTING IN A GENUINE MANNER*)

• Kongsi dunia anda (*Share your world*)

Interaksi yang ikhlas melibatkan komunikasi dengan pelajar secara terbuka, jujur dan profesional. Apabila guru berkongsi dunia anda dengan pelajar, ia menghubungkan guru kepada pelajar dalam hubungan yang saling mempercayai, dan pelajar menganggap guru sebagai benar-benar jujur. Pelajar yang memahami apa yang dilalui oleh guru akan mempercayai dan berkongsi pengalaman mereka pula. Perkongsian pengalaman akan memperkaya perbincangan dan membantu pembelajaran. Berikut beberapa perkara yang boleh dipertimbangkan:

- Perkara yang dikongsi boleh merupakan bagaimana anda melalui masa-masa sukar, emosi yang dialami atau perkara menarik yang anda sukai
- Kandungan yang dikongsi harus sesuai dengan umur pelajar dan relevan dengan situasi atau topik yang sedang dibincangkan

• Akui kesilapan (*Admit your mistakes*)

Pelajar harus belajar bagaimana memberikan respons pada kesilapan mereka atau orang lain dengan respons yang sesuai. Sebagai guru, anda mungkin pernah melakukan kesilapan, dan pelajar anda mungkin sedar dan melihat perkara itu. Setiap kesilapan merupakan satu peluang pembelajaran dan tidak seharusnya dilihat sebagai satu kegagalan. Dengan mengambil langkah untuk mengakui kesilapan dan memohon maaf bagi kesilapan tersebut akan meraih kepercayaan dan rasa hormat dalam kalangan pelajar. Untuk membantu pelajar memberikan respons yang wajar terhadap kesilapan yang dilakukan, anda boleh menggunakan pengalaman anda melakukan kesilapan sebagai contoh kepada para pelajar.

• Perbualan yang berkualiti dengan pelajar (*Have quality conversations with students*)

Setiap pelajar ingin dikenali, dihargai dan disokong. Apabila anda jujur dan menunjukkan anda benar-benar berminat untuk memahami pelajar, mereka akan menerima anda sebagai guru yang peramah. Anda boleh berhubungan dengan pelajar menerusi interaksi harian dengan menyediakan ruang selamat untuk memudah cara perbualan yang berkualiti bagi membina hubungan yang baik, dan memastikan pembelajaran berlaku.

Dengan memastikan bahawa guru sentiasa boleh dihubungi untuk mendengar keluhan pelajar, anda sebenarnya menunjukkan bahawa anda menghargai mereka. Apabila anda memaparkan kejujuran dan minat anda pada mereka menerusi bahasa dan postur badan, emosi dan respons secara lisan, pelajar meyakini bahawa anda merupakan seorang guru yang penyayang dan

prihatin. Kemungkinannya pelajar akan lebih bersedia untuk berkongsi tentang diri mereka kepada guru.

Mutu perbualan berlaku dalam persekitaran pelajar harus berasa selamat dan selesa. Bina ruang yang selamat dan kondusif untuk mengenali pelajar dengan baik. Anda boleh pertimbangkan perkara berikut:

- Pilih ruang terbuka yang mempunyai gangguan yang minimum untuk mengelakkan gangguan
- Maksimumkan jadual waktu atau sengaja menyediakan masa untuk pelajar

PERTIMBANGAN 3: MENGURUS EMOSI (*MANAGING EMOTIONS*)

- **Dekati situasi dengan minda yang jelas (*Approach the situation with a clear mind*)**

Semasa anda cuba menangani situasi yang memerlukan intervensi anda, pastikan anda mempunyai minda yang jelas, dan tenang. Anda boleh pertimbangkan perkara berikut:

- Ambil nafas dalam-dalam, dan berjalan sambil menjauh untuk memikirkan tentang perkara tersebut
- Ambil beberapa saat untuk menenangkan diri dan pilih perkataan secara hati-hati

- **Tangani tindakan atau kelakuan, dan bukan pada pelajar (*Address the actions rather than the student*)**

Dengan memberikan fokus pada tindakan atau kelakuan pelajar, anda boleh mengawal respons emosi mereka tentang apa yang berlaku dalam bilik darjah. Nyatakan bahawa anda percaya bahawa pelajar boleh bersikap jauh lebih baik daripada apa yang mereka lakukan saat itu. Jelaskan bahawa tindakan mereka bukanlah tindakan yang biasa dilakukan pelajar dan seharusnya tidak bersikap sedemikian. Anda boleh mempertimbangkan perkara berikut:

- Spesifik dan tangani tindakan atau kelakuan
- Elakkan daripada membuat pernyataan yang menghakimi

- **Elakkan daripada membuat generalisasi (*Avoid generalizing*)**

Melakukan generalisasi akan membesarkan isu lebih daripada yang sepatutnya. Untuk mengelakkan daripada tanggapan bahawa anda sengaja menegur pelajar, berikut perkara yang boleh dipertimbangkan:

- Spesifik tentang isu
- Benarkan pelajar untuk membuat pilihan untuk berkelakuan lebih baik

Gunakan 'mesej-saya' (I-message) untuk menggalakkan kelakuan yang baik. Fokus pada bagaimana kelakuan yang tidak wajar mengganggu guru dan kelas daripada menyalahkan pelajar. Contohnya, 'Saya terganggu apabila awak mula berjalan mundur-mandir dalam bilik darjah ini'.

- **Elakkan daripada bersikap emosi terhadap kelakuan atau tindakan pelajar (*Avoid tagging emotions to the student's actions*)**

Memberitahu pelajar bahawa mereka amat mengecewakan, atau mengkhianati anda atau kelas tidak membantu menguruskan perkara tersebut secara positif. Sebaliknya, hal itu boleh memusnahkan kepercayaan. Anda boleh melakukan perkara berikut:

- Kawal emosi, tenang dan fokus pada menangani situasi dan tindakan atau kelakuan Pelajar
- Fokus pada perbuahan berkaitan jangkaan, dan ini akan membuka peluang kepada anda untuk menegaskan pembelajaran tentang nilai dan kemahiran.

- **Belajar teknik mengawal emosi (*Learn techniques of emotional regulation*)**

Ada terdapat pelbagai teknik yang boleh digunakan untuk mengawal emosi. Termasuk perkara yang berikut:

- Ambil pernafasan mendalam
- Memikirkan semula pemikiran
- Melewatkan tindakan
- Masa berhenti (*time-out*) daripada situasi konfrantasi

Dengan pengurusan yang berkesan berkaitan respons emosi anda, anda boleh menunjukkan kecekapan tersebut kepada para pelajar. Perkara ini akan menggalakkan pembelajaran dan pencapaian pelajar, dan menghilangkan tanggapan berat sebelah mengenai anda.

ASPEK PENGAJARAN 5: MEMPERKASAKAN PELAJAR

Memperkasakan pelajar penting bagi proses pembelajaran (Frymier et al., 1996; Houser & Frymier, 2009) dan guru boleh memainkan peranan penting untuk menggalakkan memperkasakan pelajar.

Memperkasakan pelajar mengandungi perkara asas untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar (Brooks & Young, 2011; Thomas & Velthouse, 1990):

- **Bermakna:** Pelajar memberikan respons positif pada tugas yang diberikan oleh guru sekiranya mereka mendapati tugas tersebut bermakna, relevan dan penting untuk dilakukan. Guru boleh mereka bentuk tugas, memasukkannya dalam pelajaran, menyediakan pemahaman dan menyokong pelajar untuk melakukan kaitan yang bermakna. Apabila guru membantu pelajar memahami kepentingan dan nilai berkaitan tugas yang dilakukan, pelajar akan bermotivasi untuk melengkapkan dan memberikan mutu tugas yang baik dan mengalami kejayaan.
- **Kecekapan:** Apabila pelajar diperkasa, mereka rasa yakin tentang diri mereka dan kemampuan mereka untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Mereka mempamerkan keyakinan dan kecekapan dengan melengkapkan tugas sehingga selesai dan meraih keseronokan kerana berjaya menyelesaikannya. Reka bentuk tugas memberi ruang kepada pelajar untuk mencapai kejayaan kecil dan seterusnya membina kecekapan dan keyakinan untuk menangani tugas yang lebih mencabar.
- **Impak:** Pelajar terdorong untuk mencapai kecemerlangan dalam tugas pembelajaran yang mempunyai impak pada pencapaian akademik, peribadi dan/atau hasil sosial. Apabila guru merancang untuk membantu pelajar untuk melihat bahawa pembelajaran mereka relevan dengan pekerjaan atau tugas dan memberikan sumbangan yang bermakna, pelajar biasanya akan bermotivasi untuk melengkapkan tugas. Seterusnya, pembelajaran menjadi relevan kepada pelajar.

- Pilihan: Pelajar berasa dihargai apabila mendapat peluang untuk membuat pilihan. Pilihan pelajar boleh dipengaruhi oleh budaya, kepercayaan, pandangan dan perspektif. Dengan menyediakan wadah bagi pelajar untuk membuat pilihan, guru membantu pelajar terlibat aktif dalam pembelajaran dan proses mengambil keputusan. Apabila guru merancang untuk memasukkan pilihan dan suara pelajar dalam pelajaran, mereka membolehkan pelajar meneroka minat dan pelajar berasa dihormati kerana idea dan pandangan yang mereka berikan. Kesannya, pelajar akan menjadi lebih terlibat dalam proses pembelajaran dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.

Guru akan menggalakkan pemerksaan pelajar dengan cuba memahami kekuatan dan potensi pelajar dan membantu pelajar untuk memahami diri mereka dengan lebih baik. Pertama, guru boleh menggunakan maklumat tentang pelajar untuk merancang tugas pembelajaran dengan lebih baik untuk mendorong dan melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran. Seterusnya, dalam reka bentuk pembelajaran, guru boleh menyediakan ruang bagi suara pelajar dimasukkan dalam proses membina bersama dan menetapkan keputusan dalam proses pembelajaran untuk meningkatkan pemahaman dan tentang diri mereka sebagai pelajar. Menuil tugas yang relevan pada konteks pembelajaran pelajar dan menawarkan suara pelajar, guru boleh menjadikan pembelajaran relevan kepada pelajar dan mendorong mereka untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Guru boleh memupuk pemerksaan dalam diri pelajar secara individu atau seluruh kelas. Apabila guru membina keperksaan dalam diri pelajar secara seluruh kelas, rasa kebertanggungjawaban pelajar meningkat, memperkuat identiti kelas dan rasa pemilikan sebagai anggota komuniti kelas. Di peringkat individu, guru boleh menggalakkan pemerksaan dengan menggalakkan pelajar untuk lebih bertanggungjawab atas pembelajaran dan pembangunan mereka secara sendiri.

PERTIMBANGAN 1: MEMBERI PELAJAR PILIHAN DAN SUARA (*GIVING STUDENTS CHOICE AND VOICE*)

Dipandu oleh objektif reka bentuk pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan pembangunan, memenuhi keperluan pembelajaran pelajar, minat dan profil pembelajaran, guru boleh memperkasakan pelajar dengan memberikan mereka pilihan dan peluang yang sesuai bagi membolehkan suara pelajar didengari atau diambil kira. Guru perlu mengambil kira tahap umur dan kesediaan pelajar dalam hal ini.

Sementara memberikan pilihan kepada pelajar, guru perlu membantu pelajar memahami bahawa ada perkara yang perlu dilakukan dan tidak boleh digugurkan seperti hasil pembelajaran dalam sukatan pelajaran, penilaian, tarikh penghantaran dan kelakuan yang diharapkan.

- **Dengar apa yang disuarakan oleh pelajar (*Listen to what your students are telling you*)**

Tawarkan peluang kepada pelajar anda untuk menyuarakan keprihatinan mereka. Ini akan menyediakan mereka dengan kesediaan untuk mengawal pembelajaran dan pembangunan mereka sendiri. Hal ini juga akan membina keyakinan dan kemahuan untuk berjaya dalam perkara yang mereka lakukan. Berikut perkara yang boleh dilakukan:

- Minta pelajar anda untuk memberikan pandangan mereka berkaitan dengan akademik dan kesejahteraan diri, seperti strategi pembelajaran yang digunakan dalam pelajaran, rutin dan peraturan kelas, dan apabila membuat keputusan dalam bilik darjah.

- Dengar secara aktif maklum balas yang diberikan oleh pelajar dan hargai perkongsian mereka. Dapatkan maklum balas pelajar menggunakan pelbagai cara pada masa-masa yang sesuai seperti di awal, pertengahan dan akhir pengalaman pembelajaran yang dipilih.
- Galakkan pelajar anda untuk menyatakan bagaimana mereka merancang untuk memenuhi sasaran pembelajaran mereka.

Suara yang paling berharga dalam persekitaran pembelajaran ialah suara pelajar anda. Mereka merupakan penerima pengalaman pembelajaran, dan boleh memberikan maklum balas tentang sejauh mana keperluan pembelajaran mereka dipenuhi.

Anda perlu membina peluang bagi pelajar untuk berkongsi suara mereka dalam kelas menerusi pilihan mereka agar mereka selesa dan yakin tentang melakukannya. Oleh sebab itu, adalah sangat penting untuk mendapatkan input secara kerap dan mengambil kira idea dan maklum pelajar dalam penyediaan dan pelaksanaan pelajaran, dan yang berkaitan dengan masalah bilik darjah yang menjadi keprihatinan mereka.

• **Libatkan pelajar dalam membuat keputusan (*Involve your students in decision-making*)**

Pelajar berasa seronok jika diberikan kebebasan untuk menyuarakan pemikiran dan keperibadian mereka. Untuk memperkasakan pelajar, anda perlu bersedia untuk 'melepaskan' dan anda tidak perlu membuat atau menentukan semua keputusan. Anjakan paradigma pembelajaran berpindah daripada pendekatan yang berpusatkan guru kepada pendekatan yang berpusatkan pelajar. Dengan membenarkan pelajar membuat pilihan yang bermakna dan menyuarakan pandangan mereka tentang apa dan bagaimana mereka belajar, dengan bimbingan guru, pelajar anda:

- Terlibat dalam membuat keputusan yang bertanggungjawab
- Menjana komitmen atas pilihan mereka
- Bertanggungjawab terhadap pembelajaran dan kelakuan mereka sebagai sebahagian daripada pembangunan perwatakan
- Terdorong secara instrinsik untuk berjaya dan berkelakuan baik dalam apa juga yang mereka lakukan, dan
- Membuat pembezaan dengan mencapai hasil pembelajaran dan sikap.

Penyediaan pilihan membantu pelajar untuk menyampaikan suara pelajar dan mempengaruhi penetapan keputusan. Berikut beberapa cara untuk melakukannya:

(a) Menentukan reka bentuk pembelajaran

- Kenal pasti cara bagaimana pelajar melibatkan diri dalam proses pembinaan maklumat dengan anda
- Menyediakan peluang-peluang untuk pelajar meneroka kecenderungan pembelajaran dan menyatakan bagaimana cara terbaik untuk mereka belajar mengenai maklumat atau kemahiran yang dipaparkan, agar mereka terlibat dalam pembelajaran yang bermakna
- Benarkan pelajar anda untuk memilih strategi yang mereka mahu untuk menyelesaikan tugas atau projek
- Menyediakan fleksibiliti untuk membenarkan pelajar memilih rakan-rakan untuk mereka berkolaborasi

(b) Mengenal pasti bahan-bahan pengajaran

- Ambil kira cara-cara pelajar anda menentukan sendiri bahan-bahan pembelajaran dan sumber
- (c) Menentukan matlamat pembelajaran sendiri dan memantau pembelajaran
 - Tentukan bagaimana anda boleh menyokong proses membuat keputusan yang baik dalam kalangan pelajar berkaitan matlamat pembelajaran peribadi yang ingin mereka tetapkan, uruskan dan lakukan refleksi
 - Teroka cara-cara pelajar boleh mengumpul maklumat tentang perkembangan pembelajaran mereka, agar mereka boleh melakukan refleksi mengenai pilihan yang mereka lakukan untuk belajar dan melakukan penghalusan yang diperlukan
- (d) Mempengaruhi hasil yang memberi impak kepada pelajar sebagai sebuah komuniti
 - menggalakkan pelajar anda untuk memberikan saranan dan idea bagi membuat keputusan (contohnya rutin dan peraturan kelas, dan acara (seperti hiasan bilik darjah dan sesi kenal suai bagi CCA) yang menjadi keprihatinan pelajar. Hal ini akan meningkatkan hubungan rapat antara guru dengan pelajar dan rakan-rakan sebaya dalam sebuah komuniti dan oleh itu, membina keseronokan dalam pembelajaran.

Semua perkara yang dibincangkan di atas penting untuk difahami demi membina pelajar sebagai pelajar dalam sebuah komuniti. Memberikan pelajar anda autonomi untuk membuat pilihan dan keputusan akan memperkasakan mereka dan mempromosikan rasa pemilikan dalam pembelajaran mereka. Pelajar akan belajar untuk melihat diri mereka sebagai ejen perubahan dalam persekitaran pembelajaran mereka. Walaupun pelajar anda tidak mencapai kejayaan pada peringkat awal, proses melakukan kesilapan dan membetulkan kesilapan dengan bimbingan anda membolehkan pembelajaran berkualiti berlaku iaitu pelajar tahu mengurus dan mengawal dan melakukan refleksi tentang pembelajaran dan kelakuan atau sikap mereka. Sementara keyakinan pelajar anda akan meningkat dalam membuat keputusan, mereka akan mampu terlibat dalam membuat pilihan bagi perkara-perkara yang lebih kompleks yang sesuai dengan peringkat pembangunan mereka.

Apabila pelajar anda berasa diri mereka diperkasa dan pilihan mereka disokong oleh guru, pelajar meraih autonomi dan hal ini boleh membentuk budaya positif di bilik darjah. (Edwards, 2010).

PERTIMBANGAN 2: MERANGSANG PELAJAR UNTUK BERJAYA (*INSPIRING STUDENTS TO ACHIEVE*)

• Membimbing pelajar anda untuk muhasabah atau refleksi mengenai kejayaan masa lalu (*Guide your students to reflect on past personal successes*)

Apabila anda menyedari ada pelajar yang berasa kurang yakin untuk melengkapkan tugas, anda boleh bertemu pelajar tersebut selepas pelajaran atau selepas sekolah dan bercakap dengan pelajar tersebut. Mulakan sesi tersebut dengan bertanyakan bagaimana keadaan pelajar tersebut, adakah dia menghadapi masalah untuk menyelesaikan tugas atau perkara yang dia tidak fahami. Setelah mendengar penjelasan pelajar, ucapkan terima kasih kepadanya kerana berkongsi. Anda boleh bertanya mengenai kejayaan yang pernah dia lalui sebelum ini atau bagaimana dia berjaya mengatasi masalah atau cabaran, atau bagaimana dia telah meminta bantuan orang lain untuk membantu dirinya. Kaitkan perkara tersebut dengan cabaran yang dihadapi sekarang dalam menyelesaikan atau menangani masalah dengan cara yang serupa untuk melengkapkan tugas atau menyelesaikan masalah yang dihadapi. Dengan cara ini, pelajar

tersebut mungkin akan mula berfikir tentang strategi untuk menangani cabaran yang dihadapi berkaitan tugas yang perlu dilengkapkan.

Membimbing pelajar untuk melakukan refleksi mengenai kejayaan masa lalu merupakan satu cara yang berguna untuk merangsang dan memberikan motivasi kepada pelajar. Biasanya pelajar akan ingat bahawa dengan usaha gigih dia akan mampu menangani cabaran pembelajaran yang dihadapi dan meraih kejayaan yang baharu.

• **Berkongsi kisah atau cerita kejayaan (*Share inspiring stories or anecdotes*)**

Anda boleh berkongsi kisah atau cerita-cerita tentang kejayaan bekas pelajar yang berjaya menangani cabaran dan berjaya menyelesaikan tugas pembelajaran. Mendengar cerita atau kisah-kisah kejayaan pelajar lain yang mempunyai profil yang hampir sama boleh membantu untuk pelajar tersebut untuk percaya bahawa mereka juga boleh berjaya, dan akan terangsang untuk menangani cabaran pembelajaran.

Selain itu, anda juga boleh berkongsi pengalaman peribadi masalah atau cabaran profesional yang anda hadapi dan berjaya diatasi. Anda boleh menjelaskan Langkah-langkah yang anda ambil untuk kembali berjaya setelah menghadapi cabaran. Hal ini bertujuan agar pelajar belajar daripada pengalaman orang lain dan mungkin boleh menggunakan cara yang sama dalam proses pembelajaran mereka. Dengan cara ini, pelajar melihat guru mereka sebagai orang yang pernah menghadapi kegagalan dan kembali berjuang untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Perkara ini akan mendorong pelajar untuk berasa lebih yakin tentang diri mereka sendiri dan melakukan langkah yang serupa.

Pembelajaran mungkin berlaku apabila pelajar berasa bahawa kejayaan boleh mereka raih dengan kecekapan yang mereka miliki. Sebagai guru, anda memainkan peranan penting dalam mereka bentuk persekitaran yang merangsang pelajar untuk berjaya di peringkat yang tinggi dalam pencapaian mereka. Anda boleh merangsang pelajar dengan meminta mereka untuk membina visi dalam minda mereka untuk berjaya mencapai apa sesuatu yang di luar jangkauan mereka. Anda juga boleh menyokong atau mementor mereka untuk membina pelbagai laluan untuk mencapai matlamat atau impian mereka, dan mempertimbangkan cara-cara yang mungkin mereka tidak terfikir sebelum ini (Edwards, 2010).

• **Menyediakan platform untuk pelajar menyuarakan pemikiran dan pengetahuan (*Provide platforms for your students to articulate their thinking and knowledge*)**

Dengan menyediakan pelajar anda dengan persekitaran yang selamat, mereka berasa selesa dan selamat untuk menyuarakan pemikiran dan pengetahuan mereka.

Apabila membantu pelajar untuk memberikan respons kepada tugas, berikut cara-cara yang boleh dipertimbangkan:

- Berikan peluang kepada pelajar untuk melakukan refleksi mengenai pembelajaran mereka
- Peruntukkan masa pelajar anda melakukan refleksi sebagai rutin pembelajaran
- Tentukan maklumat yang diperlukan untuk pelajar akses mengenai pembelajaran mereka
- Rancang pengalaman pembelajaran yang memberikan pelajar peluang untuk menyuarakan pemikiran dan pengetahuan dengan meminta pelajar berkongsi, atau menggunakan rutin interaksi bagi memudah cara bagi pelajar memberikan pendapat dan perspektif dalam perbincangan

- Sediakan peluang untuk pelajar bertanyakan soalan, menyatakan idea dan menyatakan saranan pembaikan. Sediakan peluang untuk rakan sebaya atau anda sendiri untuk memberikan respons terhadap komen yang diberikan oleh pelajar secara kerap untuk menjelaskan bahawa pandangan mereka dihargai.

Untuk menggalakkan pelajar mengambil risiko intelektual, anda boleh membantu mereka melihat kegagalan atau kesilapan sebagai peluang untuk belajar dan berkembang. Bina dalam diri mereka pemikiran yang positif dan kemahiran untuk menangani kekecewaan dan untuk menangani cabaran. Sediakan peluang untuk pelajar untuk melakukan latihan, merasakan kegagalan dan mencuba lagi serta membina semula strategi setelah mereka melengkapkan tugas atau cuba untuk mencapai objektif pelajaran.